



**BUKU ABSTRAK
SEMINAR
ANTARABANGSA
PASCASISWAZAH
SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN 2023**

**"SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN DALAM
PEMBINAAN MASYARAKAT MADANI"**



**22 & 23 NOVEMBER 2023
FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

No	TEMA ABSTRAK	MUKA SURAT
1.	Kajian Buruh dan Hubungan Industri	2-12
2.	Antropologi dan Sosiologi	13-25
3.	Hubungan Antarabangsa	26-27
4.	Geografi	28-37
5.	Komunikasi dan Media	38-48
6.	Sejarah	49-62
7.	Pendidikan	63-86
8.	Seni, Sastera & Teknologi Visual	87-91

PERKEMBANGAN AMALAN NEPOTISME DI ORGANISASI: SATU PENILAIAN TERHADAP KAJIAN LITERATUR

Ahmad Mustaqim Mohd Nasir¹ dan Noor Syakirah Zakaria²

^{1, 2} Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

1. mustaqima922@gmail.com

2. syakirah@ums.edu.my

Abstrak

Kajian berkaitan dengan Nepotisme telah mendapat perhatian bukan sahaja dalam kalangan ahli akademik tetapi juga para pengamal serta pihak berkepentingan yang lain termasuklah pekerja, ahli politik dan juga kerajaan. Nepotisme sering dikaitkan dengan amalan memberi layanan istimewa kepada ahli keluarga atau rakan terdekat untuk menjawat jawatan tertentu atau memperolehi faedah-faedah seperti mendapat kontrak bagi mengendalikan projekprojek tertentu. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis kajian-kajian lepas mengenai nepotisme, bermula pada tahun 1970-an sehingga kini. Pemilihan tahun-tahun tersebut adalah penting bagi mengkaji kecenderungan perilaku nepotisme yang telah dilaksanakan. Kajian ini akan menganalisis mengikut dekad iaitu perkembangan kajian selama 10 tahun berdasarkan pangkalan data seperti *Scopus* dan *Google Scholar* dengan menggunakan perisian *Harzing Publish or Perish* dan *Scispace*. Berdasarkan analisis tersebut, pada tahun 1970-an, isu nepotisme ini dilihat sebagai bukan satu masalah yang serius kerana kebanyakan isu nepotisme lebih menjurus kepada perniagaan tradisional atau dengan kata lain perniagaan keluarga. Walaubagaimanapun, seiring dengan perubahan yang berlaku di persekitaran organisasi, para pengkaji melihat perkembangan isu nepotisme berada dalam pelbagai domain atau ruang kehidupan termasuklah ruang politik, akademik dan persekitaran korporat. Malah, nepotisme telah menjadi satu topik kajian yang kompleks kerana melibatkan pelbagai faktor yang mempengaruhi pengamal-pengamalnya. Tambahan lagi, dengan perkembangan terkini teknologi maklumat yang menyebabkan nepotisme telah dibincangkan secara terbuka dan maklumat tentang nepotisme tidak lagi menjadi aspek kerahsiaan dalam organisasi. Kajian literatur ini diharapkan dapat memberikan satu sudut pandang baru berkenaan implikasi amalan nepotisme terhadap kejayaan organisasi.

Kata Kunci: *keluarga, rakan, politik, organisasi, teknologi*

AMALAN RASUAH: SUATU PENDEFINISIAN SEMULA SATU TINJAUAN LITERATUR

Anis suraya binti muhamad zaib

Universiti Malaysia Sabah

Anissuraya9723@gmail.com

ABSTRAK

Amalan rasuah merupakan salah satu salah laku yang sering mendapat perhatian bukan sahaja dalam kalangan masyarakat, tetapi juga telah menarik perhatian ramai pengkaji, ahli akademik, ahli politik dan juga pengamal di organisasi. Amalan rasuah ini mampu memberikan implikasi yang negatif terhadap sistem hubungan industri dan pekerjaan bukan sahaja dalam konteks mikro tetapi juga di peringkat makro. Selain daripada itu juga, amalan rasuah telah memberikan impak yang buruk kepada perkembangan ekonomi dan sosial dalam masyarakat. Laporan daripada pihak berkuasa di kebanyakan negara menunjukkan isu rasuah bukanlah sesuatu perkara yang boleh dipandang enteng kerana rasuah mampu memusnahkan pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Oleh itu, amalan rasuah ini perlu dibendung melalui pemahaman yang jelas terhadap definisi sebenar rasuah. Hal ini kerana, amalan rasuah juga sering dikaitkan dengan keinginan untuk memberikan ganjaran diatas perkhidmatan yang telah diberikan atau membuat tawaran terhadap perkhidmatan yang ditawarkan. Walaubagaimanapun, berdasarkan penelitian terhadap sorotan literatur berkenaan dengan rasuah mendapati, tidak ada satu definisi yang universal yang dapat digunakan untuk memahami dan mendefinisikan rasuah. Keadaan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti konteks negara, organisasi dan agensi yang berkaitan, serta sistem ekonomi dan politik. Tanpa pemahaman terhadap definisi rasuah ini, maka amalan rasuah sukar dibendung dan dibentaras. Oleh itu, artikel ini, akan membincangkan mengenai definisidefinisi yang telah diperdebatkan dalam kajian lepas serta mencadangkan pendefinisian semula amalan rasuah berdasarkan kriteria-kriteria yang lebih komprehensif dalam memahami maksud dan makna amalan rasuah itu sendiri.

Kata kunci: Rasuah, Jenayah komersial, hubungan pekerjaan dan hubungan industri

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PRESTASI KERJA DALAM KALANGAN PEKERJA YANG MENGANGGOTAI KESATUAN SEKERJA: SATU ULASAN LITERATUR

DEIRDRE ANNEY MIUN¹

KEE.Y.SABARIAH BTE KEE MOHD YUSSOF²

^{1&2}Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah.

ddreanney97@gmail.com

keesabariah@ums.edu.my

Prestasi kerja merupakan satu elemen yang signifikan dalam sesebuah organisasi. Hal ini demikian kerana, secara umumnya kemajuan atau perkembangan sesebuah organisasi seringkali dikaitkan dengan prestasi kerja yang ditunjukkan oleh para pekerja. Misalnya, seberapa banyaknya tugas atau kerja yang mesti dilakukan oleh seseorang pekerja tersebut secara langsung akan memberi kesan terhadap prestasi kerja yang baik. Dalam erti kata lain, elemen prestasi kerja ini boleh dikatakan sebagai satu standard yang boleh menilai tahap kemampuan seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas dengan baik. Menurut kajian lepas, pada hakikatnya prestasi kerja mempunyai makna lebih luas, bukan hanya merupakan hasil kerja, tetapi juga termasuk di dalamnya iaitu bagaimana proses sesuatu pekerjaan itu berlangsung (Wibowo, 2011). Namun, persoalannya apakah faktor-faktor yang dapat mempengaruhi prestasi kerja ini khususnya dalam kalangan ahli kesatuan sekerja. Bagi merungkai persoalan ini, ia memerlukan satu ulasan literatur dalam kajian-kajian lepas dengan lebih mendalam. Penelitian awal, berdasarkan kajian lepas mendapati beberapa faktor yang boleh mempengaruhi prestasi kerja dalam kalangan ahli kesatuan sekerja iaitu komitmen kesatuan, kepuasan kerja dan komitmen afektif. Walau bagaimanapun, sokongan teoritikal diperlukan dalam penelitian awal ini agar dapat menentukan hala tuju kajian yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi kerja khususnya dalam kalangan ahli kesatuan sekerja.

Kata Kunci: Prestasi Kerja, Komitmen kesatuan, Kepuasan Kerja, Komitmen Afektif.

FAKTOR RISIKO SAKIT BELAKANG DAN KEBERKESANAN PROGRAM RETURN TO WORK (RTW) PERKESO DALAM KALANGAN PEKERJA DI MALAYSIA

MARYAM BINTI HJ. HASSAN

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

ABSTRAK

Faktor risiko sakit belakang dan keberkesanan program RTW dalam kalangan pekerja di Malaysia ini mengkaji faktor utama yg menyumbang kepada Risiko Sakit belakang bertujuan membuat pravelan awal agar tidak berulang semula. Ini bagi meminimakan risiko berterusan yang menyebabkan kerugian kepada pekerja, industri dan negara untuk jangka panjang. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat apakah faktor keberkesanan program rehabilitasi atau Return To Work (RTW) PERKESO yang mendorong pekerja kembali bekerja dalam kalangan kes ergonomik (masalah kes sakit belakang) bagi pekerja negeri-negeri di Malaysia. Berdasarkan pengalaman, terdapat pencaerum PERKESO yang belum dapat berdikari selepas kemalangan (post-incident) atau menerima pampasan, dan terdapat unsur-unsur psycho-social yang negatif seperti kehilangan keyakinan diri, tekanan dan kemurungan. Tujuan RTW adalah bagi menyesuaikan keperluan kerja kepada kebolehan dan keupayaan pekerja dalam menjamin keselamatan, keselesaan, kesihatan, keberkesanan dan kualiti mereka di tempat kerja, menyediakan peluang pekerjaan bagi pekerja kurang upaya dan juga dapat membuka peluang baharu untuk mereka terus bekerja. Hasil kajian lepas menunjukkan bahawa mereka ini adalah golongan yang hidup dalam kemiskinan disebabkan tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap. Oleh itu, kajian ini juga akan mengupas lanjut apakah elemen atau faktor utama (contohnya; Tempoh Pemulihan, Jenis Rawatan, Jenis Kecederaan atau faktor lain) yang menyumbang kepada keberkesanan program RTW, yang menyebabkan pekerja berminat untuk kembali bekerja semula. Hasil dapatan kajian diharap dapat menambah kesedaran tentang Ergonomik di tempat kerja bagi mengurangkan risiko dan untuk meningkatkan kualiti program RTW untuk kebaikan pekerja serta industri di negara ini.

Kata kunci : Return to work, Ergonomik, Keselamatan dan kesihatan pekerjaan

ANALISIS KONSEP KEMATANGAN BUDAYA KESELAMATAN: SUATU SOROTAN AWAL

Natashah Annie Binti Androw

Salmie Jemon

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sabah

[NATASHAH ANNIE MA22@iluv.ums.edu.my](mailto:NATASHAH_ANNIE_MA22@iluv.ums.edu.my)

salmie@ums.edu.my

Abstrak

Budaya keselamatan merupakan sebuah nilai bersama, kepercayaan dan norma yang mempengaruhi sikap dan tingkah laku pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di tempat kerja. Kematangan budaya keselamatan dapat dilihat melalui pematuhan individu terhadap budaya keselamatan dalam mendorong perkembangan organisasi sekaligus dapat mempertingkatkan budaya keselamatan yang positif. Penilaian kematangan budaya keselamatan adalah penting untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam amalan keselamatan organisasi. Hudson (2007) mendefinisikan model kematangan budaya keselamatan sebagai suatu proses yang berterusan yang mengandaikan budaya keselamatan berkembang melalui 5 tahap yang mempunyai ciri-ciri berbeza bermula dari patologi, reaktif, kalkulatif, proaktif dan generatif. Tahap kematangan budaya keselamatan dibentuk apabila prinsip-prinsip asas budaya keselamatan diaplikasikan dengan amalan budaya dalam organisasi. Memandangkan kajian berkaitan kematangan budaya keselamatan masih lagi terhad di Malaysia, artikel ini meneroka kajian-kajian lepas berkaitan isu ini iaitu dari sudut konsep kematangan budaya keselamatan. Artikel ini akan membuat analisis komprehensif kajian-kajian lepas secara sistematik berkaitan kematangan budaya keselamatan lepas dengan tumpuan khusus dalam sektor perkilangan di Malaysia.

Kata Kunci: Budaya Keselamatan, Kematangan Budaya Keselamatan, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP), PRISMA

Navigating Work-Life Balance in the Age of Remote Work: A Pandemic-Induced Paradigm Shift

Nur Ain binti Alifuddin¹

Prof. Madya Dr. Dzurizah Ibrahim²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu 88400, Sabah
(E-mail: annally94@gmail.com)

² Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu 88400, Sabah
(E-mail: idzuri@ums.edu.my)

Abstract: The COVID-19 pandemic, a global crisis of unprecedented magnitude, catalyzed an abrupt transformation in work dynamics, compelling organizations to swiftly adopt remote work solutions to sustain operations. This research scrutinizes the dynamic interplay between work-life balance and the widespread implementation of work from home (WFH) arrangements during the pandemic. Through an extensive review of literature and case studies, we examine the multifaceted impact of WFH on work-life equilibrium. This study illuminates the challenges and opportunities presented by remote work, exploring the influence on individuals' personal lives, well-being, and professional commitments. Moreover, it delves into coping mechanisms and strategies employed by individuals and organizations to enhance work-life harmony in the face of this paradigm shift. Insights gained from this analysis contribute to a deeper understanding of the evolving landscape of work, providing valuable guidance for optimizing work-life balance amidst current and future disruptions.

Keywords : *work-life balance, remote work, work from home, COVID-19, pandemic*

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEBERKESANAN KESATUAN
SEKERJA DALAM KALANGAN KESATUAN SEKERJA YANG TERPILIH DI SABAH
: SATU TINJAUAN LITERATUR**

Nur Nilam Sari binti Hamidun

Kee Y Sabariah binti Kee Mohd Yussof

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Malaysia Sabah

[NUR NILAM MA22@iluv.ums.edu.my](mailto:NUR_NILAM_MA22@iluv.ums.edu.my)

keesabariah@ums.edu.my

Abstrak

Terdapat faktor yang mempengaruhi keberkesanan kesatuan sekerja dalam sebuah kesatuan yang dikenalpasti oleh pengkaji terdahulu. Namun, faktor iklim hubungan industri dan ciri kesatuan sekerja yang mempengaruhi keberkesanan kesatuan sekerja masih memerlukan perhatian dan mempunyai limitasi bahan rujukan untuk penyelidik pada masa kini. Tinjauan literatur yang sistematik dijalankan agar analisis bahan rujukan dapat memberi maklumat mengenai sumber dalam bidang kajian ini. Hal ini demikian kerana, hasil kajian lepas menekankan bahawa kesatuan sekerja memainkan peranan penting dalam mewujudkan iklim yang harmoni dan produktif. Dengan menggunakan tinjauan literatur yang sistematik objektif kajian ini adalah untuk mengkaji secara deskriptif keseluruhan artikel, kertas kerja dan bahan bacaan lain yang berkaitan dengan iklim hubungan industri dan ciri kesatuan sekerja terhadap keberkesanan kesatuan sekerja yang terpilih di Sabah. Data yang diperolehi adalah berdasarkan daripada database Universiti Malaysia Sabah dan akses sumber artikel lain yang sah untuk digunakan. Hasil kajian ini akan memudahkan kepada pencarian artikel penyelidikan untuk pengkaji lain dalam bidang yang memfokuskan kepada keberkesanan kesatuan sekerja.

Kata kunci: Keberkesanan kesatuan sekerja, Iklim hubungan industri, Ciri kesatuan sekerja, PRISMA

Ideologi Kesatuan Sekerja Dan Penglibatan Kesatuan Sekerja: Tinjauan Literatur Sistemik

Nurul Fadilah Binti Ahmad¹ dan Kee Y Sabariah Binti Kee Mohd Yussof²

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

E-mel: nfadilahahmad1991@gmail.com

: keesabariah@ums.edu.my

Terdapat faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan kesatuan sekerja yang telah dikenalpasti oleh pengkaji terdahulu. Salah satu faktor yang mempengaruhi adalah ideologi kesatuan sekerja. Namun, faktor ini mempunyai isu dalam sorotan kajian lepas disebabkan oleh penggunaan terma "ideologi" yang tidak jelas. Dengan menggunakan tinjauan literatur sistemik, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji secara deskriptif keseluruhan artikel, kertas kerja dan bahan bacaan yang berkaitan dengan ideologi kesatuan sekerja dan penglibatan kesatuan sekerja. Oleh itu, tinjauan literatur sistemik ini akan dapat memberi input secara teoritikal bagi aspek kesatuan sekerja. Sehubungan dengan itu, data diperolehi daripada pangkalan data *Science Direct* dan *Springer Link* dari tahun 2013 sehingga 2023 dan dianalisis menggunakan kaedah PRISMA. Hasil kajian mendapati di sepanjang 10 tahun ini, dengan menggunakan kata kunci "*union ideology and union participation*" sebanyak 688 artikel yang diterbitkan bagi carian *Science Direct* manakala sebanyak 488 artikel penyelidikan bagi carian menggunakan *Springer Link*. Hasil kajian ini akan membantu kepada pencarian artikel penyelidikan kepada pengkaji dalam bidang yang memfokuskan kepada ideologi kesatuan sekerja dan penglibatan kesatuan sekerja.

Kata kunci: Ideologi Kesatuan Sekerja, Penglibatan Kesatuan Sekerja, Tinjauan Literatur Sistemik, PRISMA.

**KEBAJIKAN PEKERJA DAN HUBUNGANNYA DENGAN KESATUAN SEKERJA:
ANALISIS KAJIAN LEPAS**

Roziana Ramle,
Mahadirin Hj.Ahmad

Program Hubungan Industri
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah,
[ROZIANA RAMLE MA22@iluv.ums.edu.my](mailto:ROZIANA_RAMLE_MA22@iluv.ums.edu.my)

ABSTRAK

Kebajikan pekerja merupakan hak pekerja yang harus dibela dan dijaga yang dilakukan bersama oleh pihak kesatuan sekerja demi keharmonian sesebuah organisasi. Sebagai contohnya, bantuan kewangan seperti pencen, bayaran sakit dan elaun, penjagaan kesihatan, pendidikan serta latihan. Program yang diwujudkan adalah bertujuan untuk mempertingkatkan produktiviti pekerja, baucer makan tengah hari untuk pekerja dan perkhidmatan rekreasi seperti perbelanjaan untuk bercuti. Hal ini demikian kerana, kebajikan pekerja ini sangat penting dalam meningkatkan kualiti pekerja dan seterusnya meningkatkan hubungan dalam berkesatuan. Berdasarkan tema tersebut, kertas kerja ini akan menjelaskan kajian-kajian terdahulu berkaitan hubungan antara kebajikan pekerja dan peranan kesatuan sekerja yang melibatkan dua fasa iaitu fasa sebelum dan semasa pandemik COVID-19. Selain itu, objektif artikel ini adalah untuk menghuraikan konsep dan kepentingan kebajikan pekerja melalui perspektif para sarjana terhadap kesatuan sekerja pada masa kini. Berdasarkan analisis kajian lepas, kebajikan pekerja merupakan isu yang kerap dibincangkan dalam bersama dengan pihak majikan. Berdasarkan analisis tersebut, kajian ini menjelaskan bahawa hak kebajikan para pekerja akan dijaga jika kesatuan sekerja ini bergerak bersatu dalam memastikan hak kebajikan ini terpelihara. Oleh itu, kajian lanjut perlu dilakukan bagi mengenal pasti aspek kebajikan pekerja dan hubungannya dengan kesatuan sekerja.

Kata Kunci: Kebajikan pekerja; kesatuan sekerja; struktur pekerjaan; pekerja; majikan

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGEKALAN PEKERJA DI PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

Mohd Syahkiran Bin Bahran,
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS 88400
Kota Kinabalu,
syahkiranbahran@gmail.com

Abstrak

Tujuan daripada kajian ini menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi pengekalan pekerja untuk mengelakkan daripada berlakunya pusing ganti pekerja. Berobjektifkan faktor kewangan dan bukan kewangan iaitu bagi faktor kewangan adalah gaji dan faedah sampingan dan manakala bagi faktor bukan kewangan adalah suasana kerja, penyeliaan, rakan sekerja dan juga terakhir adalah bidang kerja. Mengenai metodologi yang digunakan adalah kaedah kuantitatif, instrumen soal selidik menjadi instrumen utama untuk penghasilan data primer, hasil respons 50 orang responden. Soal selidik yang digunakan terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bagi Bahagian A responden dikehendaki untuk memilih maklumat demografi yang sepadan dengannya manakala bagi Bahagian B dan C responden dikehendaki untuk menjawab berdasarkan Skala Likert lima mata. Bahagian A yang terdapat dalam soal selidik merupakan soalan mengenai data demografi responden. Antaranya ialah jantina, bangsa, umur, status perkahwinan, bilangan anak, tahap pendidikan dan pengalaman bekerja. Manakala, B dan C terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bahagian B : faktor-faktor kewangan yang mempengaruhi pengekalan pekerja dan bahagian C pula : faktor-faktor bukan kewangan yang mempengaruhi pengekalan pekerja. Selain itu, bagi kaedah penganalisis data, data data primer dianalisis dengan bantuan SPSS (Statistical Package for Social Science). Analisis yang terlibat di dalam kajian ini ialah analisis deskriptif dan analisis korelasi, selari dengan penetapan dalam objektif kajian. Dimana, kajian ini telah dilakukan di Mini Estet Sejahtera Kampung Balat dan telah mendapati hanya satu sahaja yang tidak disokong iaitu faktor faedah sampingan kerana melebihi nilai signifikan 0.005 iaitu 0.163. Oleh itu, akhirnya ada lima faktor yang diterima dan disokong oleh kajian lepas.

Kata kunci: Pengekalan pekerja, pusing ganti pekerja, faktor kewangan, faktor bukan kewangan.

**FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KOMITMEN KESATUAN SEKERJA
DALAM KALANGAN ORANG MUDA BAGI KESATUAN SEKERJA TERPILIH DI
SABAH : SATU ULASAN LITERATUR**

ZALIKHA BINTI TAIB
KEE.Y SABARIAH BTE KEE MOHD YUSSOF

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah.
zalkhataib100@gmail.com
keesabariah@ums.edu.my

Abstrak

Kajian ini memfokuskan faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen kesatuan sekerja dalam kalangan orang muda. Secara umumnya, persepsi ahli kesatuan terhadap keberkesanan kesatuan sekerja memainkan peranan yang penting dalam memperjuangkan terma dan kondisi pekerjaan ke arah yang lebih baik dalam sesebuah organisasi. Hal ini demikian kerana, komitmen dalam kesatuan sekerja akan wujud apabila berlakunya isu pekerjaan yang tidak dapat diselesaikan di meja rundingan. Komitmen kesatuan merupakan sejauhmana seseorang individu mempunyai keinginan untuk mengekalkan keahlian dalam menggerakkan usaha bersama-sama dengan kesatuan selaras dengan objektif kesatuannya. Hubungan antara pekerja golongan muda dengan kesatuan sekerja telah dikaji terutamanya dari segi cabaran akses kepada kesatuan yang dihadapi pekerja muda iaitu golongan kumpulan yang umumnya kurang diwakili dalam keahlian kesatuan sekerja. Berdasarkan kajian lepas yang diperolehi secara sistematik mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi komitmen kesatuan sekerja iaitu instrumentaliti kesatuan dan sikap pro-kesatuan. Walau bagaimanapun, sokongan teoritikal dan praktikal yang diperlukan dalam penelitian awal ini agar dapat menentukan hala tuju kajian yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen kesatuan sekerja.

Kata kunci: Komitmen kesatuan, Kesatuan sekerja, Golongan Muda, Hubungan pekerjaan, PRISMA

KESAMAAN JANTINA DALAM ISLAM

Sakinah Ab. Rahim¹, Ahmad Syafiq Yusof²

Sekolah Pembangunan Sumber Manusia & Psikologi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru

Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis

sakinahfkm@gmail.com

syafiq1392@gmail.com

Umat manusia diciptakan yang hanya terdiri daripada dua jantina iaitu lelaki dan perempuan yang secara dasarnya berbeza dari segi fizikal, biologi dan psikososial. Perbezaan ini menyebabkan segelintir manusia cuba untuk memperjuangkan hak yang pada pandangan mereka tidak diiktiraf atau ditindas oleh masyarakat. Perjuangan hak oleh golongan ini menyebabkan kekeliruan yang akhirnya menggugat kualiti dan kesejahteraan hidup manusia. Justeru, pengembalian kepada ajaran agama khususnya Islam adalah satu strategi terampuh dalam menangani permasalahan ini. Islam merupakan agama fitrah yang menyempurnakan cara hidup dengan garis panduan lengkap kepada manusia sejagat. Islam sama sekali tidak pernah memandang rendah apatah lagi berat sebelah terhadap mana-mana individu. Sebaliknya Islam mengiktiraf setiap kelahiran sama ada lelaki atau perempuan, cacat atau sempurna fizikalnya sebagai ciptaan Allah SWT yang terbaik. Allah Rabbul 'Alamin telah mengangkat darjat kemuliaan manusia sedangkan terdapat golongan manusia yang berusaha menjatuhkan martabat kemuliaan ini. Justeru, kertas kerja ini mengupas konsep kesamarataan jantina menurut Islam sekaligus memperkasa kefungsi setiap individu demi kehidupan yang sejahtera lagi berjaya di dunia dan di akhirat kelak.

Kata kunci: Islam, kesamarataan jantina, fitrah, hak, perbezaan

Peranan Badan Bukan Kerajaan Dalam Menangani Isu Perkahwinan Bawah Umur di Sabah

Atira Anissa Binti Rosli & Jalilah Md Shah

Program Sosiologi dan Antropologi Sosial Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti
Malaysia Sabah

Perkahwinan bawah umur merupakan isu yang berlaku dalam masyarakat yang menarik perhatian banyak pihak termasuklah ahli agama, pakar undang-undang, penyelidik dan badan bukan kerajaan (NGOs). Di Sabah, terdapat dua buah NGOs yang secara aktif berperanan dalam memperjuangkan isu ini iaitu Sabah Women's Action (SAWO) dan Pacos Trust. Untuk itu, penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif telah dilakukan bagi membincangkan peranan yang dimainkan oleh kedua-dua NGOs ini dalam berhadapan isu perkahwinan bawah umur di negeri ini. Data dikutip menggunakan kaedah temubual mendalam dan kajian perpustakaan serta dianalisis secara tematik. Dapatan kajian ini menunjukkan wujud pelbagai peranan yang dimainkan oleh kedua-dua badan bukan kerajaan ini dalam usaha menoktahkan isu perkahwinan bawah umur daripada terus berlaku dalam masyarakat di Sabah. Kajian ini mendapati peranan NGOs dalam perihal isu perkahwinan bawah umur boleh dibahagikan kepada enam peranan yang utama. Pertama, membantu dan mempengaruhi pemerintah dalam merancang serta pembuatan keputusan berkaitan perkahwinan bawah umur. Kedua, mengumpul maklumat menerusi kajian berkaitan perkahwinan bawah umur di Sabah. Ketiga, berkongsi data dan penemuan kajian perkahwinan bawah umur yang berlaku di Sabah menerusi seminar di peringkat nasional dan antarabangsa. Seterusnya, melaksanakan kempen dan ceramah kesedaran berkaitan perkahwinan bawah umur kepada pelajar sekolah. Dalam pada itu, NGOs turut berperanan sebagai penyedia modul isu perkahwinan bawah umur. Akhir sekali, peranan sebagai sistem sokongan kepada wanita yang berkahwin bawah umur. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa peranan NGOs adalah sangat signifikan dalam memberi pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat serta pemerintah tentang perlunya perkahwinan bawah umur ditangani secara holistik. Hal ini kerana peduli terhadap isu perkahwinan bawah umur boleh menjadi salah satu kunci keberhasilan menjadi masyarakat dan negara maju.

Kata Kunci: Perkahwinan Bawah Umur, Badan Bukan Kerajaan, Sabah Women's Action, Pacos Trust

Faktor Keterancaman Bahasa Dusun Kimaragang Di Sabah

Cathrine Masingan

Keterancaman bahasa bukanlah suatu isu yang baharu. Kajian ini dijalankan untuk menerangkan secara mendalam tentang faktor-faktor yang mendorong berlakunya keterancaman bahasa Dusun Kimaragang di negeri Sabah. Seramai 35 orang peserta kajian terlibat dalam kajian ini yang dipilih berdasarkan kepada teknik persampelan bertujuan. Data [1] data utama diperoleh daripada data temubual dan disokong oleh data pemerhatian dan dokumen analisis. Data-data kemudiannya dianalisis menggunakan enam langkah teknik analisis tematik. Hasil dapatan mendedahkan faktor-faktor keterancaman bahasa Dusun Kimaragang terbahagi kepada dua tema iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman diterangkan melalui tiga kategori iaitu; pemindahan bahasa antara generasi terputus, sikap negatif terhadap bahasa Dusun Kimaragang dan kurang material dalam bahasa Dusun Kimaragang. Sementara itu faktor luaran diterangkan melalui lima kategori iaitu; faktor ekonomi, faktor perkahwinan campur, faktor migrasi, faktor polisi kerajaan dan juga faktor penggunaan pelbagai bahasa. Kajian ini penting agar pemimpin-pemimpin masyarakat terutama pemimpin dalam kalangan masyarakat Dusun Kimaragang mengambil langkah-langkah penting agar bahasa Dusun Kimaragang terus terpelihara.

Kata kunci: keterancaman bahasa, Dusun Kimaragang, Faktor keterancaman Bahasa

SUSTAINABLE DEVELOPMENT: NATURE TOURISM AS A CATALYST FOR RURAL ECONOMIC DEVELOPMENT

Marcela Pimid¹, Fiffy Hanisdah Saikim¹, and Azizan Marzuki²

¹Institute for Tropical Biology and Conservation, Universiti Malaysia Sabah.

²School of Housing, Building, and Planning, Universiti Sains Malaysia.

marcela@ums.edu.my

Tourism, as a catalyst for rural poverty alleviation, is of great significance for poverty reduction in remote areas. Tourism impacts can influence community support for nature tourism, including conservation of natural resources. The objective of this study is to examine motivational factors impacting rural community support for tourism development in Sabah. The study uses a case study approach and adopts social representation theory to assess community perceptions of nature tourism activities. It uses quantitative data analysis to analyse the motivational factors and multiple stakeholder views on community participation in nature tourism. Although nature tourism provides revenue to local communities, not many people participate in the tourism activities. The results highlight good practises in decision-making, governance, effective communication, and digital marketing as the determinants of successful nature tourism in rural destination areas. The findings offer baseline tourism data for the government, academicians, and policymakers to enhance strategies for empowering rural economies.

Keywords: Indigenous, poverty, rural development, social representation theory

AMALAN PENGAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN SEBUAH SEKOLAH RENDAH PEDALAMAN SABAH.

Helena Sangau

helenasangau5594@gmail.com

Institusi Pendidikan Guru Kampus Keningau

Abstrak

Kajian ini bertujuan meneroka amalan pengajaran bahasa Kadazandusun (BKD) oleh guru di sebuah sekolah rendah Pedalaman Sabah. Secara khusus, kajian ini mengandungi tiga objektif iaitu untuk mengenalpasti strategi pedagogi yang digunakan oleh guru BKD untuk meningkatkan hasil pembelajaran bahasa, bahan pengajaran dan sumber yang digunakan oleh guru BKD untuk memudahkan kemahiran bahasa di kalangan pelajar dan kaedah penilaian yang digunakan oleh guru BKD untuk menilai hasil pembelajaran bahasa dengan berkesan. Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Peserta kajian ialah dua orang guru daripada sebuah sekolah di Pedalaman Sabah. Peserta akan dipilih secara persampelan bertujuan. Data kajian akan diperolehi melalui pemerhatian dan temu bual mendalam. Data akan dianalisis menerusi proses penyaringan kod, penentuan kriteria dan pembinaan tema. Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan pengajaran bahasa Kadazandusun yang dilaksanakan oleh guru ialah Strategi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdP) berpusatkan guru, strategi PdP berpusatkan murid, penekanan kepada kemahiran bahasa, dan pengetahuan pedagogi isi kandungan. Implikasi kajian ini dapat menunjukkan bahawa guru perlu melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran dan menguasai pengetahuan pedagogi isi kandungan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada para guru dalam melaksanakan amalan terbaik pengajaran dan menambahbaik kualiti PdP bahasa Kadazandusun.

Kata kunci: Amalan pedagogi guru, Bahasa Kadazandusun, penilaian

KETERANCAMAN BAHASA IBUNDA ETNIK LUNDAYEH DI LONG PASIA, SABAH

¹ Mohd Juhar Harun, Calon PhD, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, E-mail: Mdjuhar_ums@yahoo.com

² Profesor Madya Dr. Jane Wong Kon Ling, Pensyarah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, E-mail: jane@ums.edu.my

³ Dr. Kavitha Ganesan, Pensyarah, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, E-mail: kavitha@ums.edu.my

Penulisan ini memfokuskan kepada isu keterancaman bahasa ibunda etnik Lundayeh di Long Pasia, Sabah. Etnik Lundayeh memiliki taburan populasi di empat wilayah sekitar kepulauan Borneo iaitu di Kalimantan, Indonesia, Brunei, Sabah dan Sarawak. Di setiap wilayah tersebut, etnik ini memiliki label nama yang berbeza seperti Dayak Lundayeh di Kalimantan, Indonesia, Murut (Lun Bawang) di Brunei, Lun Bawang di Sarawak dan Lundayeh di Sabah. Namun, dalam penulisan ini hanya lebih tertumpu kepada masyarakat Lundayeh dalam konteks negeri Sabah khususnya di Long Pasia sahaja. Berpandukan disiplin ilmu sosiolinguistik dengan menggunakan kaedah kualitatif, penulisan ini cuba membincangkan tentang keterancaman bahasa ibunda komuniti minoriti ini. Justeru, perbincangan penulisan ini memfokuskan kepada dua objektif utama. Pertama, mengenal pasti pemilihan dan penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan komuniti etnik Lundayeh di Long Pasia. Manakala objektif kedua pula lebih menjurus kepada menganalisis tahap keterancaman bahasa ibunda etnik Lundayeh di Long Pasia, Sabah. makalah ini cuba meneliti kajian-kajian oleh para sarjana lepas tentang sejarah etnik Lundayeh di Sabah. Penulisan kajian yang memfokuskan kepada masyarakat etnik minoriti di Sabah seperti Lundayeh di Long Pasia amat penting bagi memberikan kefahaman secara umum tentang wujudnya isu keterancaman bahasa ibunda yang berisiko mengalami kepupusan sekiranya tidak terdapat sebarang usaha mengekang daripada ia berlaku pada masa akan datang.

Kata Kunci: Keterancaman, Bahasa Ibunda, Etnik, Lundayeh, Sabah

MUZIUM MAYA (DALAM TALIAN) DAN MUZIUM FIZIKAL: DARI PERSPEKTIF PENGUNJUNG

Mohd Zaini¹, Mohd Sohaimi Esa² dan Mosli Tarsat³

Universiti Malaysia Sabah,

¹ syafiqzaini120398@gmail.com, ² msohaimi@ums.edu.my, ³ mos_79@ums.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneroka serta mengenal pasti persepsi dan perspektif pengunjung terhadap Muzium Maya (dalam talian) dan Muzium Fizikal. Dalam era teknologi digital yang semakin maju, ia telah memberikan tekanan kepada institusi muzium untuk beradaptasi seiring dengan perubahan semasa. Namun, hal ini sebenarnya telah membuka peluang bagi muzium untuk mempersembahkan koleksi pameran mereka dengan lebih inovatif menerusi Muzium Maya. Kebelakangan ini di Malaysia, Muzium Maya dilihat mula giat dipraktikkan sebagai alternatif kepada Muzium Fizikal. Oleh itu, kajian ini bermatlamatkan kepada dua objektif kajian, iaitu pertama ialah mengenal pasti tahap keberkesanan Muzium Maya (dalam talian) berfungsi sebagai alternatif kepada lawatan muzium secara fizikal. Kedua ialah menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan pengunjung dalam memilih di antara mengunjungi muzium maya (dalam talian) atau lawatan muzium fizikal. Perbincangan dalam kajian ini akan meliputi aspek aksesibiliti, pendidikan, tahap kepuasan, interaksi dan kesan emosi terhadap pengalaman muzium oleh pengunjung. Kajian ini menganalisis respons pengunjung terhadap kedua-dua medium muzium ini melalui kajian tinjauan literatur, borang soal selidik dan temu bual, kemudian dianalisis secara komparatif. Hasil kajian menunjukkan, bahawa kedua-dua jenis muzium ini menawarkan pengalaman yang unik dan berbeza kepada pengunjung. Muzium Maya menawarkan keselesaan dan fleksibiliti dalam akses kepada koleksi seni dan sejarah, manakala Muzium Fizikal memberikan pengalaman lebih dekat dan inklusif di antara pengunjung dengan koleksi artifak sebenar yang dipersembahkan. Hasil kajian ini memberikan wawasan penting kepada pihak pengurusan muzium dalam membentuk pengalaman pengunjung yang lebih baik dengan mengambil kira kelebihan dan kelemahan kedua-dua jenis muzium ini. Sementara teknologi digital memberi peluang yang luas, tetapi muzium bersifat fizikal masih memainkan peranan yang penting dalam memelihara dan mempromosikan warisan budaya sebenar. Akhirnya, ia menekankan keperluan bagi muzium untuk mencapai keseimbangan di antara kedua-dua medium ini untuk memenuhi keperluan pengunjung yang pelbagai dan memupuk pengalaman budaya yang lebih berharga dan bermanfaat.

Kata Kunci: Muzium Maya (dalam talian), Muzium Fizikal, Perspektif Pengunjung, Malaysia, Komparatif

SKILL ACQUISITION (TVET) AND ENTREPRENEURSHIP

Onyekachi Ohagwu

Universiti Malaysia Sarawak

marcel.ohagwu@gmail.com

Abstract

This paper explores Technical and Vocational Education and Training (TVET) as a promoter of entrepreneurship prospects – emphasizing the significance of TVET as an entrepreneurship skills facilitator, promoting individuals' ultimate aspirations of improving their socioeconomic living conditions and general development. This paper focused on ETAHT TVET programmes – designed explicitly for returnee migrants as a case study. Applying a qualitative research method approach – this paper collected and analyzed primary and secondary data from research participants and key informants. This paper asserts that contemporary TVET programmes play a significant role in equipping individuals with both TVET and entrepreneurship skills required for productive usage and commercial gains by an entrepreneur, thus facilitating individuals' (entrepreneurs') development and economic growth.

KEYWORDS: Entrepreneurship, Skill Acquisition, Technical and Vocational Education and Training (TVET)

PERSANAKAN DALAM STRUKTUR KEKELUARGAAN: KAJIAN KES TERHADAP MASYARAKAT BUGIS DI KG. PARIS 2, KINABATANGAN.

Siti Noor Izzati Binti Zaine Noor & Jalihah Md Shah

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

sitinoorizzati95@gmail.com

Persanakan merupakan sebuah sistem yang merujuk kepada perhubungan sosial, selalunya bersandarkan kepada darah, perkahwinan, atau bentuk perhubungan lain yang mampu membentuk struktur kekeluargaan dalam konteks rangkaian sosial yang lebih luas. Persanakan dalam struktur kekeluargaan terutamanya dalam kalangan masyarakat Bugis di Sabah umumnya bersandarkan kepada jenis persaudaraan seperti Consanguineal, Affinal, fictive, lineal dan juga collateral. Kajian ini ditumpukan terhadap komuniti masyarakat Bugis di Kg. Paris 2, Kinabatangan, Sabah. Pendekatan kualitatif digunakan dengan melakukan temu bual mendalam bersama 20 orang informan, dan menerusi pemerhatian di lapangan. Selain itu, kajian kepustakaan juga dilakukan bagi mendapatkan data sekunder. Dapatan utama mendapati terdapat juga beberapa aspek yang mempengaruhi persanakan dalam struktur kekeluargaan dalam kalangan masyarakat Bugis di kawasan kajian. Antaranya seperti ikatan persaudaraan dalam kalangan sub-etnik, kegiatan sosio ekonomi dan juga kawasan yang mereka diduduki. Aspek-aspek ini penting khususnya untuk menilai hubungan persanakan dalam struktur kekeluargaan di kawasan kajian, khususnya menerusi kestabilan dalam diversity sub-etnik Bugis dan adaptasi terhadap persekitaran mereka.

Kata kunci: Persanakan, hubungan kekeluargaan, Bugis, sub-etnik.

Exploring The Dynamics of Social Awareness Concerning Drug Abuse In Lawas, Sarawak: An Analysis Centred On The Community Perspective.

Siti Shafina Bahar, Mohammad Suhaidi Salleh

University Malaysia Sarawak (UNIMAS)

shafinabahar97@gmail.com.my

Abstract

Drug abuse is a pressing issue in Malaysia including in Sarawak, and the constant increment trend in Sarawak shows the essential to understand the context and dynamics of drug abuse in Sarawak. This study seeks to shed light on the state's evolving drug abuse landscape, by setting its focus on Lawas, one of the high-risk "red-zone", specifically looking on social awareness as the main factors of rise. The main objective is to investigate the relationship between the social environment in Lawas and its influence on social awareness within the Lawas community through the selective respondents. This study targets contributing to a more informed and effective approach to mitigate its impact and improve the quality of life for all Sarawakians, especially in the Lawas community. Six participants were involved in the individual in-depth interview session in Lawas. The six participants were given a pseudonym as participant 1, 2, 3, 4, 5, and 6. Participant 1 and 2 are ex-drug addicts who are currently enrolled in a rehabilitation program run by the National Anti-Drug Agency (NADA/AADK) division in Limbang; participants 3, 4, and 5 are chosen members from the ex-addict family, relatives, and friends; and participant 6 is an officer in charge of drug enforcement in Lawas. The study applies the principles of the social learning theory to gain deeper insights into the correlation between social awareness and the social environment within a community. Data analysis reveals there are different micro factors influencing the level of social awareness among the participants. Data analysis also reveals that there is a relationship between social awareness and the participants' social environment. The results of this study hold significance for diverse stakeholders, with particular emphasis on community and societal development, as well as the enforcement authorities engaged in combating the challenges posed by drug abuse issues.

RITUAL MONUMBUI DALAM MASYARAKAT DUSUN LOTUD, KAJIAN KES: TUARAN, SABAH

Nurul Atikah binti Mohd Syair Zam

Universiti Malaysia Sabah

antonsyairzam@gmail.com

Abstrak

Negeri Sabah merupakan salah satu negeri di Malaysia yang mempunyai kepelbagaian etnik. Antaranya adalah Dusun Lotud di daerah Tuaran Sabah. Kaum Dusun Lotud di Sabah dipercayai berasal dari wilayah Tuaran. Mereka ini menggunakan perkataan Suang Lotud untuk mewakili identiti mereka. Dusun Lotud adalah salah satu kumpulan etnik Sabah yang terdiri daripada sub Kadazandusun. Hari ini, kebanyakan generasi muda Lotud adalah beragama Kristian dan Islam. Kaum Dusun Lotud pada hari ini masih berpegang teguh kepada kepercayaan dan adat resam yang diperturunkan oleh nenek moyang mereka. Kepercayaan dan adat resam merupakan salah satu aspek dalam kehidupan manusia dan juga menggambarkan nilai jati diri sesuatu kaum. Sebelum kewujudan beberapa agama kepercayaan, kelompok manusia mengamalkan kepercayaan animisme dan percaya setiap benda mempunyai ruh atau semangat. Dari segi budaya dan cara hidup, kaum Dusun Lotud mempunyai banyak persamaan dengan adat resam, kepercayaan dan adat resam suku Kadazandusun. Asal usul rumpun Kadazandusun dianggap berasal dari rumpun yang sama kerana persamaan istilah dan bahasanya. Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji ritual monumbui yang diamalkan oleh masyarakat Lotud di Tuaran. Justeru kajian ini mempunyai beberapa objektif berikut; (i) Meneliti bentuk ritual monumbui masyarakat Lotud di Sabah; (ii) Mengenalpasti penempatan kaum Dusun Lotud yang mengamalkan upacara monumbui di Sabah; (iii) Menganalisis faktor-faktor yang menjadi pendorong perubahan kepada pengamalan upacara monumbui oleh kaum Dusun Lotud di Sabah. Kajian ini dilaksanakan menggunakan mix-method melibatkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan etnografi (kualitatif) dan kajian tinjauan (kuantitatif) digunakan semasa kerja lapangan. Pengumpulan data, instrumen temubual separa berstruktur, perbincangan kumpulan fokus (FGD), analisis dokumen dan soal selidik digunakan untuk mengutip data. Analisis data, pengkaji menggunakan perisian QSR NVivo (kualitatif) dan SEM-AMOS (kuantitatif). Hasil dapatan kajian ini dijangka dapat dijadikan sumber rujukan kepada generasi akan datang dan juga disiplin ilmu terutamanya kepada generasi muda kaum Dusun Lotud agar warisan budaya mereka tidak dilupakan.

kata Kunci: Dusun Lotud, ritual monumbui, Tuaran

**Tahap Pencapaian Literasi Bahasa Melayu Kanak-Kanak Tanpa Dokumen di Pusat
Pembangunan Kemanusiaan Kanak-Kanak di Kampung Lok Urai, Kota Kinabalu,
Sabah.**

Saudah Ibnu Hasim¹ & Jalihah Md Shah²

Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan Universiti Malaysia Sabah (saudah_hasim66@yahoo.com)

Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan Universiti Malaysia Sabah Jalan UMS, 88400, Kota
Kinabalu, Sabah (jalihah@ums.edu.my)

Abstrak

Pada tahun 5 Jun 2015, Sabah digemparkan dengan kejadian gempa bumi sekkuat 5.9 skala richter yang menyebabkan sebilangan nyawa terkorban dan hartabenda. Fenomena ini juga menyebabkan perubahan fizikal muka bumi yang mengakibatkan frekuensi banjir di Kota Belud semakin meningkat. Kesan daripada frekuensi banjir ini memberi kesan kepada sosio-ekonomi penduduk di daerah tersebut dari aspek pendapatan, perniagaan, trauma, infrastruktur perhubungan terjejas dan juga tempat tinggal penduduk itu sendiri yang menjadi mangsa kepada banjir ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak frekuensi banjir ini kepada penduduk di daerah Kota Belud dengan mengedarkan borang soal selidik di samping melawat kawasan kampung yang selalu terjejas dengan banjir. Secara keseluruhan Analisis data adalah menggunakan kaedah Spatial Analysis (Arcgis) untuk mengesan kampung yang mempunyai kesan sosio-ekonomi dan hasil analisis soal selidik akan digunakan untuk menyokong dapatan analisis GIS. Kertas ini dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan antara kejadian frekuensi banjir dan implikasinya kepada penduduk kampung-kampung di Kota Belud berkait rapat. Situasi ini akan dapat memberi gambaran yang lebih luas walaupun impak sosio ekonomi penduduk ini tidak dapat dilihat secara mata kasar dari pelbagai pihak.

Kata kunci: Kota Belud, Banjir, Sosio-Ekonomi, GIS, Sungai.

US-CHINA RIVALRY IN SOUTHEAST ASIA: ASEAN'S SIGNIFICANCE AS A DECISIVE MECHANISM FOR REGIONAL STABILITY

by

Suthan Venkatachalam

majorsud@yahoo.com

Abstract

The Southeast Asian region offers a myriad of opportunities and risks affected by continuously evolving geopolitical construct. Its geographical location, central to the global East-West sea lane of communication in addition to the abundance of natural resources, on land and sea have propagated the region's prominence as an arena for geopolitical rivalry since ancient times. The recent assertive approach of China in the region has become a reminiscent of the Cold War era - the role of the now defunct USSR taken over enthusiastically by China, opposite the US. Regional concerns are triggered as China is observed to have used its military might and economic influence to erode the existing international order. As such, this possibility is observed to not only be a strong indicator signifying the decline of reliance on the US in the region, but raises questions concerning the balance of future security environment of the region. Hence, the fundamental problem investigated is whether China's strategic approaches is a major geopolitical factor contributing towards weakening US-ASEAN relations which in turn may influence on regional balance of power? Therefore it can be indicative of ASEAN's significance as a decisive mechanism for regional stability. The findings show that ASEAN's role to unify Southeast Asian nations propagating positive international cooperation and strategic partnerships is seen to be decisive for balancing disruptive forces in the region through peaceful means. In addition, hedging and enmeshment strategies remains to be popularly deployed by ASEAN as a multilateral platform or by member states through individual bilateral policies where these strategies ensure dynamic alignment options in order to facilitate the ease of adjustment when strategic opportunities arise resulting from the rivalling great powers manoeuvres. Conclusions from relevant analysis strongly supports the arguments that the current Sino-US rivalry in the region can be managed and influenced by ASEAN which is seen to be a decisive mechanism for regional stability.

Malaysia's Education Philosophy from the Western Philosophical Perspective

Mohd Zakaria Mohd Kawi
Universiti Malaysia Sabah
Zakaria.kawi@gmail.com

Abstract

A State has the autonomy to implement educational practices appropriate to their economic, social and political requirements. The paper reviews Malaysia's education philosophy exclusively from the Western perspective (the other source being theological). Tracing the definition from the classical to modern thinkers, it uses the conceptual framework of international law as defined by Article 38(1) of the Statute of International Court of Justice (ICJ, 1945) one of the principal organs of the United Nations. It assesses the education philosophy as entrenched in the Child Rights Treaty (CRC 1989) which Malaysia adopted in 1995 and the provisions of which have been domestically legislated. In addition, empirical data from the travaux préparatoires of the CRC 1989, the UN system, various monographs and journal articles will form the backbone of the materials for the discussion. John Dewey's concept of growth will form the basis of the analysis while making reference to the concept of education as laid out by long-established thinkers. The paper will conclude, albeit, rather positively, that Malaysia's education philosophy takes into account the contemporary provisions of international law and the principles laid out by the UN system and its specialised agencies.

Key words: UN Child Rights Convention, Malaysia, Article 29, Education Act 1996, Western Education Philosophy.

IMPAK PANDEMIK COVID-19 TERHADAP KELANGSUNGAN AKTIVITI PERTANIAN KOMUNITI PETANI DI KUNDASANG RANAU, SABAH

Bervelia Derby Joannes¹, Colonius Atang²

Universiti Malaysia Sabah

berveliaderby97@gmail.com¹, colonius@ums.edu.my²

Abstrak

Pandemik Covid-19 yang diisytiharkan pada tahun 2019 membawa kepada banyak perubahan kepada petani dari segi akses kepada pertanian, pendapatan, kesihatan mental, pengeluaran hasil, aktiviti harian, tingkah laku, dan aspek-aspek sosial dan ekonomi saling berkait dalam kehidupan petani. Kawasan Kundasang Ranau Sabah merupakan salah satu pengeluar sayur yang terbesar di Sabah. Akibat daripada pandemik covid-19 dan kawalan pergerakan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan, petani mengalami masalah lambakan hasil pertanian dimana banyak sayur yang tidak terjual dibuang, dan hal ini menyebabkan petani yang bergiat aktif dalam penjualan hasil mengalami kerugian. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak yang dihadapi oleh petani di Kundasang Ranau, Sabah dengan mengedarkan borang soal selidik dan menjalankan temubual kepada individu yang bergelar petani di Kundasang. Analisis data adalah menggunakan kaedah diskriptif analisis menerusi skor min purata, peratusan, serta analisis PSA (Principal component analysis) / Analisis komponen utama. Beberapa aspek sosial dan ekonomi yang dikenalpasti memberikan impak kepada petani dalam menjalankan aktiviti pertanian seperti aksesibiliti dan pengangkutan, keadaan mental atau kehidupan sosial petani dalam mengerjakan pertanian, pendapatan, pengeluaran hasil, dan masa operasi. Kertas ini dapat disimpulkan bahawa ilmu berkenaan hubungan antara pandemik dan implikasinya terhadap kegiatan pertanian perlu dikaji dengan lebih meluas agar ia mampu memberikan penyelesaian dan individu terbabit dalam bidang pertanian lebih bersedia mengatasi masalah yang timbul.

Kata kunci: Impak, Petani, Sosial, Ekonomi, Aktiviti Pertanian, Pandemik Covid-19, Kelangsungan.

KONSEP PEMBENTUKAN TINGKAH LAKU BERDASARKAN INTERAKSI DENGAN PERSEKITARAN SOSIAL: SATU KAJIAN LITERATUR DALAM GEOGRAFI QUEER

Braveland Kimwah¹, Colonus Atang², Ang Kean Hua³

Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Geografi Queer ialah disiplin yang meneroka interaksi antara ruang, tempat dan identiti LGBTQ+. Disiplin ini mula diwujudkan dalam bidang geografi untuk mendedahkan bagaimana penyelidik telah mengembangkan pemahaman tentang hubungan kompleks antara geografi dan pengalaman queer. Penulisan ini adalah bertujuan untuk meninjau kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas berkaitan dengan geografi queer. Penulisan ini akan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan membuat rujukan terhadap kajian kepustakaan yang merangkumi pelbagai bentuk bahan seperti jurnal, artikel, akhbar, kajian- kajian ilmiah dan sebagainya. Hasil penulisan mendapati bahawa terdapat beberapa aspek yang menjadi tumpuan pengkaji lepas ini iaitu dari segi aspek evolusi sejarah geografi queer dan bagaimana mereka menguatkan pembentukkan komuniti mereka di sesuatu kawasan. Oleh itu, penulisan ini diharapkan dapat mendalami ilmu geografi queer ini untuk pemahaman para pembaca terhadap ruang geografi yang telah diwujudkan oleh komuniti queer ini berdasarkan aspek evolusi sejarah geografi queer dan aspek alternatif mereka mengukuhkan pembentukkan komuniti mereka yang mempengaruhi kefahaman interaksi hubungan manusia dan persekitaran sosial terutamanya dilihat dari persepsktif perubahan tingkahlaku manusia iaitu queer dalam konteks kajian geografi sosial.

Kata kunci: Geografi Queer, Komuniti, Persekitaran sosial

PENINGKATAN GLOBAL E-SISA: CABARAN, KESANNYA, DAN LANGKAH-LANGKAH MENUJU PEMBANGUNAN LESTARI

Dayang Masleha Mohd Rahman¹, Haidy Henry Dusim²

Universiti Teknologi MARA, Shah Alam¹, Universiti Teknologi MARA, Sabah

masleharahman@gmail.com

Abstrak

Berdasarkan Laporan Monitor Aliran E-sisa Transboundary Global 2022, jangkaan penjanaian sisa elektronik (e-sisa) di seluruh dunia akan meningkat kepada 74.7 juta tan metrik menjelang tahun 2030, dengan peningkatan purata sebanyak 2 juta tan metrik setiap tahun. Walau bagaimanapun, permasalahan peningkatan kuantiti e-sisa bukanlah perkara baru, kerana ia berkait rapat dengan perubahan dalam teknologi dan pertumbuhan pesat penduduk yang juga turut menyumbang kepada peningkatan ini. Di Malaysia, jumlah e-sisa yang dikumpulkan pada tahun 2022 adalah sebanyak 2657.83 tan metrik, yang mewakili peningkatan sebanyak 198.32 tan metrik berbanding tahun sebelumnya. Laporan ini telah menimbulkan kebimbangan di kalangan pelbagai pihak, disebabkan bertambahnya timbunan e-sisa yang semakin meningkat dari hari ke hari. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis masalah dan kesan peningkatan penghasilan e-sisa. Mengatasi isu-isu seperti kesan sosial dan persekitaran adalah penting dalam usaha mencapai matlamat pembangunan lestari (SDG), termasuk matlamat untuk bandar dan komuniti mampan (matlamat 11), pengeluaran dan penggunaan yang bertanggungjawab (matlamat 12) menjelang tahun 2030. Metodologi kajian yang digunakan adalah melalui ulasan kepustakaan dengan menilai dan merumuskan ulasan dari sumber-sumber primer. Kajian ini mendapati bahawa peningkatan kuantiti e-sisa secara global, khususnya Malaysia disebabkan oleh kekurangan peraturan yang menyeluruh, infrastruktur e-sisa yang tidak mencukupi, serta kesedaran yang kurang di kalangan orang awam.

Kata kunci: *E-sisa, Matlamat pembangunan mampan, Kelestarian alam sekitar*

KINABALU GEOPARK: EMPOWERING MOUNTAIN GUIDE PROFESSIONAL DEVELOPMENT

Hiew Soon Sang

Faculty of Business, Economic and Accountancy, University Malaysia Sabah

Abstract

The aspiring Kinabalu UNESCO Global Geopark is located at the north- western part of Sabah, Malaysia. It covers about three districts, which are the Kota Belud, Kota Marudu and some parts of Ranau. Kinabalu Geopark (KG) has been recently endorsed by UNESCO as a rich biodiversity and remarkable geological heritage site. As an international significance site for geological heritage and biodiversity, it is crucial to empower mountain guides (MGs) professional development in redefining their professional services. Based on this focus, this study will be having two-fold. First, to exploring training needs required by mountain guides at Geopark Kinabalu. Second, to develop a professional empowerment model for mountain guides at the Kinabalu Geopark. Since the study is a relatively new exploration in Malaysian studies, a qualitative case study will be conducted to explore the professional development needs required by Mountain Guides at the Kinabalu Geopark and developing a professional empowerment model for mountain guides at the Kinabalu Geopark through thematic analysis.

Keywords: *Kinabalu UNESCO Global Geopark, Professional development, Kinabalu Geopark, Mountain guides, Professional development, Empowerment, Geological heritage, Biodiversity, Training needs, Communication skills, Guiding skills, Adventurism experience.*

CABARAN PEMBANGUNAN INAP DESA DI PULAU BANGGI: SATU ANALISIS OBSERVASI

Juliana Jun binti Aloy¹, Mohamad Pirdaus bin Yusoh², Zulayti Zakaria³, Alex⁴, Farizan⁵
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah¹
Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah²

Abstrak

Inap desa atau dikenali sebagai homestay adalah pelancongan berasaskan komuniti yang menawarkan kepada pelancong pengalaman alam semulajadi dan gaya hidup desa tempatan. Inap desa merupakan salah satu daripada produk pelancongan desa yang terdapat di Malaysia dan menjadi satu program yang mendapat perhatian kerajaan dan agensi berkaitan. Namun, pembangunan inap desa tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh ke kawasan tertentu disebabkan oleh cabaran dari aspek darjah ketersampaian, ketersediaan utiliti dan infrastruktur, serta aspek penerimaan penduduk termasuk di Pulau Banggi, Sabah. Pulau ini berpotensi untuk dibangunkan sebagai tarikan pelancongan kerana mempunyai kawasan persisiran pantai, pulau-pulau kecil, gua, bukit serta kawasan air terjun. Selain itu ia juga boleh dibangunkan sebagai cabang pelancongan budaya kerana penduduknya yang berbilang etnik termasuklah etnik Ubian, etnik Molbog, Bajau Sama, Suluk, Kagayan, dan Bonggi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui pemerhatian, temu bual melibatkan tujuh orang informan yang terdiri daripada ketua kampung, ketua-ketua etnik dan pihak pemegang taruh. Hasil temu bual dan pemerhatian mendapati terdapat beberapa cabaran bagi membangunkan inap desa di Pulau ini. Antaranya kekurangan sumber bekalan air bersih dan elektrik, infrastruktur asas seperti jalan raya serta isu keselamatan. Isu ini menyukarkan sebarang pembangunan pelancongan apatah lagi mengusahakan penginapan inap desa. Justeru, pihak kerajaan perlu komited dan mengambil inisiatif dalam membangunkan keperluan asas dan infrastruktur di Pulau Banggi bagi memastikan ekonomi dan sosial penduduk terjamin.

Kata kunci: Inap Desa, Cabaran, Pembangunan, Komuniti, Pelancongan

PENDEKATAN GIS DAN PENDERIAAN JAUH DALAM MENGANALISIS PERUBAHAN LITUPAN TANAH/GUNA TANAH (LULC) DI KOTA KINABALU DAN KENINGAU, SABAH

Mohammad Al Amir As Khairullah¹, Ang Kean Hua²

Department of Geography, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia^{1,2}

MOHAMMAD_AL_MA22@iluv.ums.edu.my¹, angkeanhua@ums.edu.my²

Abstrak

Perubahan guna tanah/litupan tanah (LULC) mempunyai impak yang tinggi terhadap alam sekitar kerana mempunyai hubungkait secara langsung terhadap kemerosotan tanah dalam tempoh tertentu dan memberi implikasi kepada alam sekitar. Pemantauan perubahan guna tanah/litupan tanah (LULC) adalah penting untuk strategi perancangan sesuatu kawasan terutamanya dari segi aspek pembangunan. Kajian ini bertujuan untuk mengaplikasikan GIS dan RS dalam menganalisis perubahan dinamik LULC serta melihat perbandingan antara LULC luar bandar dan bandar. Pendekatan yang digunakan dalam kajian dibahagikan kepada beberapa peringkat bermula daripada pra pemprosesan data satelit kemudiannya pengklasifikasian data menggunakan teknik seliaan (Maximum likelihood classifier) dan penilaian ketepatan: kappa. Klasifikasi diselia mengambil kira 5 jenis LULC utama: tanah terbiar, tanah tanaman, hutan, pembangunan dan badan air, yang dihasilkan daripada imej landsat selama 30 tahun bagi menerangkan perubahan yang berlaku dalam perisian ArcGIS 10.8. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa dan penilaian ketepatan untuk keseluruhan pengelasan LULC adalah antara 73.33% sehingga 93.33% dan bagi pekali kappa adalah antara 65.86% sehingga 90.37% bagi kedua-dua kawasan. Untuk corak LULC terdapat peningkatan bagi kategori pembangunan dan kawasan hutan masing-masing sebanyak 11.14% dan 3.18% di kawasan Kota Kinabalu, manakala bagi kawasan Keningau peningkatan kategori pembangunan dan tanaman iaitu sebanyak 243.56% dan 68.58% selama 30 tahun. Ini juga boleh diperhatikan bahawa terdapat penurunan kelas di setiap daerah yang dikaji. Bagi Kota Kinabalu sebanyak 84.7% dan 72.56% penurunan bagi kelas tanah terbiar dan badan air. Manakala di daerah keningau penurunan berlaku di 3 kelas iaitu kawasan tanah terbiar, hutan dan badan air masing-masing dengan nilai 21.63%, 19.13% dan 66.59%. Dengan mengintegrasikan GIS dan RS dalam penyelidikan, kajian ini tidak hanya menerangkan hasil corak LULC di Sabah, tetapi juga menyumbang kepada data perbandingan antara 2 kawasan Sabah dengan melihat perbezaan guna tanah/litupan tanah. Ini dapat menjelaskan perubahan dinamik dalam struktur perkembangan pembangunan suatu kawasan dan menyumbang kepada

strategi dalam mengawalselia suatu kawasan, membuat keputusan dalam merancang pembangunan dan dasar aktiviti guna tanah.

Kata kunci: *Land use and land cover, Geography Information System, Remote sensing,* peluasan bandar, tanaman, pengesanan perubahan

PENDEKATAN ADAT (SISTEM TAGAL) DALAM PENGURUSAN ALAM SEKITAR DI LONG PASIA, SIPITANG

Nur Melina Tadam Abdullah

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

NUR_MELINA_MA22@iluv.ums.edu.my

Abstrak

Tujuan Penelitian ini adalah untuk mengenalpasti amalan Adat Sistem Tagal yang diamalkan oleh masyarakat di Long Pasia serta impaknya terhadap kelestarian alam sekitar. Penelitian ini merupakan penelitian kualitatif dengan pendekatan kepada komuniti setempat. Data tentang amalan Sistem Tagal diperoleh dari hasil pemerhatian, temu bual dan soal selidik daripada masyarakat Long Pasia. Analisis data dilakukan melalui tahap reduksi data, persembahan data, hasil penarikan simpulan dan evaluasi data. Hasil penelitian menunjukkan bahwa kelestarian alam sekitar pada komuniti Adat Tagal tidak lepas dari amalan adat yang selama ini dihormati dan dijunjung tinggi masyarakat adat iaitu, "Tagal". Nilai-nilai pengetahuan setempat ini penting untuk diketahui oleh masyarakat umum secara amnya. Nilai-nilai tersebut dapat dijadikan sumber pengetahuan dan amalan masyarakat sejagat dalam kehidupan seharian.

Kata kunci: *Pengetahuan Setempat, Kelestarian, Alam Sekitar*

HUBUNGAN PERLAKUAN JENYAH DALAM KALANGAN PENDATANG ASING DAN FAKTOR PENDORONG: SATU KAJIAN LITERATUR

Siti Nur Afza Sidon, Nor-ina Binti Kanyo

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

sitinurafza@gmail.com, norina@ums.edu.my

Abstrak

Migrasi dari luar negara dan jenayah merupakan produk kepada pembedaan negara. Oleh itu, kertas kerja ini ingin mengkaji secara literatur berdasarkan kajian-kajian lepas dalam mengenalpasti hubungan perlakuan jenayah dalam kalangan pendatang asing dengan faktor pendorongnya. Kemasukan pendatang asing ke negara ini kebiasaannya mempunyai matlamat iaitu untuk mengubah dan meningkatkan status ekonomi mereka kepada taraf ekonomi yang lebih baik. Pengwujudan ancaman dalam kalangan pendatang asing ini terjadi apabila terdapat pendatang yang tidak mendapat pekerjaan atau pun keinginan memperoleh sumber kewangan yang lebih banyak dan cepat mendorong mereka melakukan kesalahan atau jenayah yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang negara. Perlakuan ini kebanyakannya hanya tertumpu dikawasan bandar dan pinggir bandar yang merupakan kawasan tumpuan menyebabkan pihak berkuasa perlu membuat langkah-langkah penjagaan dan kawalan yang sesuai bagi mengatasi perlakuan jenayah yang berlaku. Akhir sekali, diharapkan kertas kerja ini dapat menyumbang kepada kajian yang akan datang terutamanya dalam ilmu disiplin geografi jenayah. Kajian literatur ini turut membincangkan hubungan perlakuan jenayah dengan faktor pendorongnya berdasarkan kajian-kajian lepas dalam Malaysia mahupun di luar negara.

Kata kunci: Perlakuan Jenayah, Pendatang Asing, Faktor Pendorong, Bandar dan Pinggir Bandar

KAJIAN KESAN RISIKO BANJIR PASCA GEMPA BUMI RANAU 2015 DI DEARAH KOTA BELUD: PENDEKATAN APLIKASI GIS

Weaslyly Edmund¹, Oliver Valentine
Eboy²

Universiti Malaysia Sabah
ma1911124t@student.ums.edu.my¹

Abstrak

Pada tahun 5 Jun 2015, Sabah digemparkan dengan kejadian gempa bumi sekkuat 5.9 skala richter yang menyebabkan sebilangan nyawa terkorban dan hartabenda. Fenomena ini juga menyebabkan perubahan fizikal muka bumi yang mengakibatkan frekuensi banjir di Kota Belud semakin meningkat. Kesan daripada frekuensi banjir ini memberi kesan kepada sosio-ekonomi penduduk di daerah tersebut dari aspek pendapatan, perniagaan, trauma, infrastruktur perhubungan terjejas dan juga tempat tinggal penduduk itu sendiri yang menjadi mangsa kepada banjir ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak frekuensi banjir ini kepada penduduk di daerah Kota Belud dengan mengedarkan borang soal selidik di samping melawat kawasan kampung yang selalu terjejas dengan banjir. Secara keseluruhan Analisis data adalah menggunakan kaedah Spatial Analysis (Arcgis) untuk mengesan kampung yang mempunyai kesan sosio-ekonomi dan hasil analisis soal selidik akan digunakan untuk menyokong dapatan analisis GIS. Kertas ini dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan antara kejadian frekuensi banjir dan implikasinya kepada penduduk kampung-kampung di Kota Belud berkait rapat. Situasi ini akan dapat memberi gambaran yang lebih luas walaupun impak sosio ekonomi penduduk ini tidak dapat dilihat secara mata kasar dari pelbagai pihak.

Kata kunci: Kota Belud, Banjir, Sosio-Ekonomi, GIS, Sungai.

GENDER ROLES AND SUBLIMINAL MESSAGES IN MALAYSIAN CONTROVERSIAL ADVERTISEMENT : A CONCEPT PAPER

Ras Atiqah Rashid¹ and Syahrudin Awang Ahmad²

Universiti Malaysia Sabah

1 rasatiqahrashid@gmail.com , 2 syahag@ums.edu.my

Abstract

The deep connection between gender roles and subliminal messaging in controversial ads in Malaysia needs to be debated more. Advertising that uses subliminal messages aims to influence viewers or listeners subconsciously and outside of their conscious awareness. These messages might take the form of hidden or subtle hints, images, or sounds that are in advertisements. These messages are frequently delivered quickly or subtly, making it challenging for the audience to consciously understand them, yet they may still make an impression on the subconscious mind. Advertising is a potent medium that impacts and shapes society's standards in addition to reflecting them. Advertising frequently acts as a mirror, reflecting the complex relationships between gender roles and societal expectations in Malaysia, a varied and multicultural nation. The article tries to shed light on the subliminal messages found in commercials that portray and reinforce gender stereotypes in subtle yet significant ways. With an emphasis on finding subliminal messages that can reinforce gender prejudices and inequality, the purpose of this study is to analyse the intricacies of gender representation in Malaysian advertising using various methods such as content analysis and focus group discussion to find answers. The goal of this study is to start a bigger discussion about how advertising shapes and challenges cultural perceptions about gender roles in Malaysia. I hope to urge marketers, regulators, consumers and even researchers to critically engage with media content and advocate for more inclusive and powerful depictions of gender in advertising by increasing awareness of the subliminal messages concealed within advertisements.

Keywords: Gender roles, subliminal messages, Malaysian advertising, controversial.

MEDIA BAHARU: ADAKAH PODCAST BERUPAYA MENGGANTIKAN RADIO?

Anderson Anak Ambah

Universiti Malaysia Sabah

andersonambah99@gmail.com

Intan Soliha Ibrahim*

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Dalam era pembangunan masyarakat madani, khalayak mempunyai banyak pilihan dalam menikmati hiburan, selain daripada radio, televisyen, penstriman, dan media sosial. Podcast adalah media baharu ataupun media audio yang sedang berkembang dan diterima oleh masyarakat dunia dalam komunikasi semenjak kehadirannya. Walaupun podcast diterima baik di negara luar, adakah budaya yang sama terjadi di negara ini. Artikel ini bertujuan untuk menyorot kajian lepas dan meneliti trend semasa podcast serta perbezaan antara podcast dan radio. Adakah podcast berupaya untuk menggantikan dinamika industri radio? Kaedah kualitatif menerusi analisis dokumen digunakan dalam kajian ini. Hasil analisis menunjukkan bahawa penggunaan podcast di negara luar seperti Amerika Syarikat, Perancis, Australia, China, India dan Malaysia adalah positif. Selain itu, penyelidik mendapati terdapat perbezaan operasi antara podcast dan radio. Penyelidik optimis, walaupun podcast diterima baik oleh masyarakat dunia, namun ia tidak mungkin berupaya untuk menggantikan fungsi dan perluasan capaian "broad" dan "cast" radio.

Kata kunci: Podcast, radio, media baharu

KAJIAN AWAL

TREND PERUBAHAN PENGGUNA FACEBOOK DAN TIKTOK BERDASARKAN TEORI KEGUNAAN DAN KEPUASAAN (U&G THEORY) SATU PENILAIAN TERHADAP KAJIAN LITERATUR

Awang Suffri Bin Rasit
Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Perkembangan media sosial pada masa kini telah menjadi suatu fenomena digital yang berkembang tanpa sempadan, yang mana mengubah Masyarakat untuk berkomunikasi, berkongsi maklumat dan berinteraksi dengan cara yang lebih mudah dan pantas. Kemudahan ini disebabkan beberapa faktor yang mendorong pengguna untuk menerokai kemajuan media. Kajian ini mengupas dan membincangkan mengenai trend perubahan penggunaan platform media sosial ideal yang memfokuskan kepada penggunaan Facebook dan TikTok. Kajian literatur ini akan dikaji berdasarkan teori kegunaan dan kepuasan (U&G). Teori ini menjelaskan bahawa motivasi terhadap penggunaan media itu mendorong individu dalam memilih media yang ingin digunakan bagi memenuhi keperluan dan kepuasan mereka. Dapatan kajian ini juga akan dikumpul berdasarkan kajian literatur yang mana akan melihat secara meyeluruh berkenaan dengan perkembangan teori kegunaan dan kepuasan (U&G) dan mengkaji bagaimana media sosial itu mampu memenuhi keperluan kepuasan pengguna. Kajian ini juga turut melihat perubahan gaya hidup individu atau trend perubahan gaya hidup dan pemikiran mereka apabila terdedah dengan perubahan teknologi terutamanya dalam penggunaan media sosial dalam kehidupan harian mereka.

Kata kunci: Media sosial, kegunaan, Kepuasan, Facebook, TikTok, Perubahan, Gaya hidup.

PRELIMINARY STUDY:
MEASURING THE EFFECTIVENESS OF SAMSUNG PRODUCT PLACEMENT IN
KOREAN DRAMA

Farah Nabila binti Hamdan¹, Khor Kheng Kia², Lee Lai Meng³

Universiti Tunku Abdul Rahman

nabila@utar.edu.my, khorkk@utar.edu.my, lmlee@utar.edu.my

Abstract

This study was inspired by the global success of using product placement as an effective marketing tool in Korean drama. Although many believe product placement in Korean drama has a significant relationship with their audience's brand recall, the existing scholarly studies provided inconsistent and contradictory findings. Hence, the three objectives of this study are 1) to understand the impact of Korean drama script placement (audio) on brand recall; 2) to examine the impact of Korean drama screen placement (visual) on brand recall; 3) to investigate the impact of Korean drama plot placement on brand recall. Kesia et.al (2021) stated that Samsung's product has been actively involved in the most popular Korean dramas. The significance of this study is to ascertain how recent Korean dramas use product placement to promote and raise awareness for South Korean products. The study of product placement, brand recall, and brand exposure among K-Drama viewers is relevant to the current trends in marketing communication. Specifically, the proposed study will provide detailed information on the effectiveness of product placement as part of the advertising communication strategy. The main scope of the study is structured for the Samsung product placement in Korean Drama. The scope of Korean Drama that has been chosen is within five years due to the recency effect. M. C. Peasley et al (2019) stated that the recency effect is used to explain the impact of information processing which presents the contrast in information. This study will use a quantitative approach to test the significant relationship between the independent and dependent variables.

Keywords: Korean drama, product placement, visual placement, audio placement, plot placement, brand recall.

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DALAM KALANGAN RUKUN TETANGGA : SATU ANALISIS KAJIAN LEPAS

Jammaluddin bin Abdul Rahman

Universiti Malaysia Sabah
jammaluddin.ar@gmail.com

Intan Soliha Ibrahim

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Perpaduan adalah penting bagi kerajaan di seluruh dunia dalam mencerminkan kestabilan sosial sesebuah negara. Peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969 telah mengubah corak perpaduan masyarakat. Penubuhan Jabatan Perpaduan Negara pada 1 Julai 1969 melalui Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) serta pengenalan Skim Rukun Tetangga di Kg. Kassipilay, Kuala Lumpur pada 1975, merupakan usaha penyatuan kaum di Negara ini. Rukun Tetangga memainkan peranan yang signifikan dalam membantu pihak kerajaan menyebarluas dasar- dasar berkaitan perpaduan. Penggunaan media sosial sebagai medium penting dalam penyaluran maklumat dan hebahan info perpaduan dipergiat di peringkat akar umbi. Oleh itu, adalah penting bagi penyelidik menyorot kajian lepas bagi meneliti penggunaan media sosial bagi tujuan mempromosi perpaduan. Pengkaji mendapati bahawa penggunaan media sosial giat diamalkan oleh Rukun Tetangga sebagai agen hebahan perpaduan dalam membantu pihak Kerajaan menyampaikan mesej-mesej perpaduan sehingga peringkat akar umbi.

Kata kunci : Perpaduan kaum, Rukun Tetangga dan Media Sosial

Aplikasi Mobila Journalism (MoJo): Potensi Persaingan dan Tular Berita

Noor Zafira

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah

zacherlyn.nst@gmail.com

Abstrak

Ruang kewartawanan amat luas dan untuk memahami secara asas berkenaan ruang kewartawanan, aspek perkembangan teknologi semasa perlu diambil kira. MoJo atau kewartawanan peranti (mobile journalism) adalah antara corak kerja baharu yang menjadikan dunia kewartawanan semasa bergerak lebih maju ke depan. Gambar, klip video, audio dan grafik boleh terus disunting melalui telefon pintar dan dimuat naik ke sistem bilik berita bagi digunakan serta merta, khasnya untuk platform siaran berita di media sosial dan portal berita. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti aplikasi MoJo dalam rutin kerja wartawan dan penguasaan peranti serta kemahiran MoJo dua buah berita dalam talian, Berita Harian online dan Sinar Harian online. Kajian ini dijalankan dengan pendekatan kualitatif. Pengkaji menemubual dua wartawan daripada portal berita yang dipilih. Kedua-dua wartawan adalah wakil agensi media masing-masing yang berkhidmat untuk biro Kota Kinabalu, Sabah. Teori Difusi Inovasi yang diperkenalkan oleh Everett Rogers dijadikan panduan untuk kajian ini. Teori ini memfokuskan kepada empat elemen utama iaitu sistem sosial, jangka masa, inovasi dan saluran komunikasi. Hasil kajian mendapati bahawa MoJo diaplikasi dalam rutin kerja wartawan sebagai satu elemen yang memudahcara kerja wartawan sebagai penyampai berita yang pantas dan fokus kepada sesuatu isu yang ditularkan secara dalam talian lebih berkesan. Selain itu, tahap penguasaan MoJo juga adalah menjadi faktor kepada 'kecemerlangan' hasil sebuah berita yang dimuatnaik ke dalam talian oleh wartawan dan editorial. Kajian ini juga mendapati bahawa penguasaan MoJo tidak hanya tertakluk kepada wartawan di lapangan, tetapi juga kepada penyunting di bilik berita.

Kata Kunci: MoJo (kewartawanan peranti), teknologi, tular, inovasi

Impact of Computational Thinking and Computer Science (CTCS) Teaching Technique at Selected Schools in Sarawak: A Qualitative Analysis

Nor Iqbal Mohd Sait, Noor'ain Aini, Kartinah Zen

Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
noribalmohdsait@gmail.com

Abstract

Computational thinking and computer science (CTCS) is an educational approach that involves a four-stage process involving concepts of decomposition, pattern recognition, abstraction, and algorithm that promotes greater levels of thinking. Initially exclusive to computer scientists, it has further developed from the realms of computer sciences into a skill to be mastered by all levels and backgrounds of education in numerous countries. In the context of Malaysia, CTCS was incorporated into education in 2017 through the integration of elements of Information Communication Technology into almost all subjects at both primary and secondary levels. Between 2017 and 2020, the Faculty of Computer Science and Information Technology (FCSIT), UNIMAS conducted teaching certificate program for teachers, and outreach program based on digital making, programming, and robotics for students to increase their readiness in digital knowledge through computational thinking and computer science (CTCS). This paper aimed to explore the impact of the implementation of CTCS in the teaching-learning process by obtaining descriptive information through interviews with selected teachers and students. The findings showed that the reception of CT was positive as teachers found teaching easier and students showing greater interest in learning. The reception stems from CT's ability to promote critical thinking, problem solving, and communication skills, consequently leading to greater collaborations between students and teachers. This study suggests that the state of CTCS in education in Sarawak can still be further developed, and that additional investigation is required to improve its implementation.

Keywords: Computational thinking, problem solving, critical thinking, communication, 21st century education

**Pembingkaian Nilai-nilai Kekeluargaan dalam Laporan Berita Bahasa Melayu di
Malaysia dalam Tempoh Lima Bulan Pertama Kerangka Dasar Membangun
Malaysia Madani Diperkenalkan**

Safiah binti Masbaka, Abdul Latif Lai Che Ching

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pembingkaian akhbar Bahasa Melayu di Malaysia dalam menyampaikan mesej-mesej nilai kekeluargaan dalam pelaporan artikel media selepas kerangka dasar Membangun Malaysia Madani diperkenalkan pada 19 Januari 2023. Nilai-nilai kekeluargaan yang ditonjolkan berdasarkan isu-isu yang dilaporkan dalam akhbar Bahasa Melayu berperanan untuk memberitahu dan membentuk persepsi dalam kalangan khalayak pembaca mengenai isu-isu dan nilai-nilai kekeluargaan tertentu yang lebih menonjol berbanding isu lain untuk diketahui oleh pembaca. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis) kualitatif ke atas artikel berita, rencana, dan kolum pendapat dari akhbar Bahasa Melayu yang terpilih iaitu Astro Awani, Berita Harian, Harian Metro, Utusan Borneo (Sabah), dan Utusan Borneo (Sarawak) dalam tempoh 19 Januari sehingga 31 Mei 2023 yang mempunyai kata kunci 'keluarga' dan 'kekeluargaan'. Kaedah persampelan bertujuan dijalankan ke atas 364 sampel artikel. Kajian mendapati terdapat bingkai-bingkai positif, neutral, dan negatif pada artikel yang dilaporkan dalam akhbar Bahasa Melayu di Malaysia. Pembingkaian yang wujud akan dapat membantu pihak media untuk menonjolkan sesuatu isu kepada khalayak. Dalam konteks kajian ini, isu kekeluargaan yang dibingkaikan dapat menonjolkan pemupukan nilai-nilai kekeluargaan dalam isu tertentu yang berlaku dalam institusi keluarga, masyarakat, dan negara selepas pengenalan Membangun Malaysia Madani.

Exploring the Adoption of Generative Artificial Intelligence in Public-Sector Media Relations Practice

Safiah, M. Jamsari, H. Syahrul Nizam, S.

Abstract

This concept paper discusses the concept of the adoption of generative artificial intelligence technology in public sector communication for the purpose of building a foundation and identifying potential solutions into the ideas of a full academic study in this topic. Technology adoption in everyday life contributes to acceptance, utilization, and regulations for good practice. Definition of adoption in this paper explained in the form of process, by which individuals or organizations accept and integrate new technologies into their daily operations or practices. This technology adoption process involves several stages, including awareness, interest, evaluation, trial, and adoption (Ellingrud, 2023). There are several concepts of the adoption of generative artificial intelligence technology in public sector communication discussed in this paper: generative artificial intelligence, utilization, and digital literacy. In context of public sector media relations practice, governments need to establish measures to protect sensitive information and ensure equity in AI's decisions, ensuring that AI tools the state purchases are developed and used responsibly. The adoption of new technologies can bring significant benefits to the government strategic communication with the media, such as increased efficiency, productivity, and innovation. However, it can also pose challenges, such as ethical concerns, privacy issues, and the need for new skills and training.

Keywords: Technology adoption, generative artificial intelligence, public sector, media relations, conceptual paper.

The Impact of Social Media Involvement in Risk Perception Towards Containing The Spread of Covid-19 in Malaysia

Saini Megan Cyril Ondoi¹, Associate Prof. Dr. Andreas Totu^{*1a}, Dr Haryati Abdul Karim^{1b},
Associate Prof. Dr. Stephen Laison Sondoh Jr.^{2c}

¹Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS
^{1a}Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning , Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS

^{1b}Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS

^{2c}Faculty of Business, Economics and Accountancy

^{a)}smegancyril@gmail.com,

^{*a}andreast@ums.edu.my,

^{b)}haryati@ums.edu.my,

^{c)}jude@ums.edu.my

Abstract

This paper explores the involvement of social media among Malaysians during the Covid-19 pandemic particularly in terms of risk perception. This paper aims to achieve certain objectives which are investigating the effects of social media on risk perceptions towards Covid-19 and determining the strengths of the relationships between media and people's perceptions towards Covid-19. Questionnaires were distributed to 630 people in Malaysia which according to the high severity of Covid-19 cases; red zone (EMCO). It is expected that this research will aid in identifying the personal and social risk perception towards Covid-19. The results from this paper is expected to be aligned with the cultivation theory where it states that the time spent on media impacts people's perception in a more significant effect compared to people who spend less time on media..

Keywords: Risk perception, Cultivation theory, Impact of social media

Public Health reporting in the China's TV News: A Case Study of Early Stage of Covid-19 Outbreak

ZHANG SHUANG

Universiti Malaysia Sabah

milan185116023@163.com

Abstract

At the beginning of 2020, COVID-19 raged around the world. It is considered to be the most serious infectious disease pandemic in the world in the past century. The original production and living order of the people were affected, and the focus of public opinion and attention across the country turned to this unfamiliar disease, and also turned to Wuhan, where the epidemic was concentrated at that time. Questions about the disease, fear and anxiety about whether they have been infected fill Internet social media platforms. Under the double urgency of sudden public opinion events and the people's quest for knowledge and truth, the media need to play its due role and assume its due social responsibility. The COVID-19 epidemic first appeared in Wuhan in December 2019. Due to the rapid spread of the epidemic, the country had to temporarily close and control the exit route from Hubei and Han on January 23, 2020. CCTV news began reporting news related to the outbreak on January 20. As the most widely covered and most-watched TV news program in China, the News attaches great importance to the publicity and reporting of epidemic prevention and control. By stepping up the dissemination of information, responding to social concerns, correctly guiding public opinion, and gathering strength, this has provided strong public opinion support for winning the epidemic prevention and control war, and also provided experience for other mainstream media to do a good job in reporting public health emergencies. This article selects 922 reports about the COVID-19 outbreak and its related issues from January 20 to May 20, 2020. This paper uses frame analysis theory, text analysis and other methods to analyze and study the framework of CCTV news on the novel coronavirus epidemic. In this paper, the background and significance of the research, the literature of the research and the design of the research are reviewed and explained. This paper attempts to discuss from multiple perspectives and dimensions how CCTV news, as the "mouthpiece" of the Party and the government, guides public opinion through positive publicity, stabilizes public sentiment through humanistic care, and effectively conveys China's voice in the international public opinion field in the framework of reporting on the novel coronavirus pneumonia epidemic.

Keywords: CCTV news; COVID19; health communication

SEKURITI MAKANAN DI NIGERIA (1900-1920)

Terryline Keris¹
Maureen De Silva²

Universiti Malaysia Sabah
terrylinek@gmail.com
maureend@ums.edu.my

Abstrak

Dua dekad pertama abad ke-20 menandakan tempoh transformasi dalam sejarah Nigeria ketika negara tersebut bergelut dengan cabaran yang berkaitan dengan sekuriti makanan. Pada era ini, Nigeria mengalami pertemuan faktor yang unik, di mana daripada pemerintahan kolonial dan peralihan amalan pertanian kepada perubahan sosio-ekonomi sangat mempengaruhi ketersediaan dan kebolehcapaian makanan. Oleh yang demikian, kajian ini adalah bertujuan untuk menyelidiki nuansa sejarah sekuriti makanan di Nigeria dalam tempoh dari 1900 hingga 1920. Objektif utama kajian ini adalah untuk menilai faktor sejarah, alam sekitar, dan ekonomi yang mempengaruhi sekuriti makanan di Nigeria pada awal abad ke-20. Penyelidikan ini bertujuan untuk menjelaskan kesan penjajahan, keadaan alam sekitar dan faktor ekonomi. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengkaji secara komprehensif pelbagai cabaran dan tindak balas yang membentuk landskap sekuriti makanan semasa era kritikal ini. Dalam memanfaatkan pendekatan metodologi kualitatif, kajian ini mengambil daripada pelbagai rekod sejarah, dokumen dan literatur dari era itu termasuk laporan penjajah dan dokumen kerajaan. Kajian mendapati bahawa sekuriti makanan selama 1900-1920 di Nigeria sangat dipengaruhi oleh warisan penjajah, dinamik perdagangan, perang dan wabak. Termasuklah kebolehubahan iklim dan keadaan tanah memberikan cabaran yang ketara kepada pengeluaran pertanian sementara keadaan pasaran dan dasar kerajaan memainkan peranan penting dalam membentuk hasil sekuriti makanan.

Kata kunci: Sekuriti makanan, Nigeria, kolonialisme

PENDIDIKAN KARAKTER DALAM PENDIDIKAN SEJARAH: SATU TINJAUAN LITERATUR

Nurul Ashikin Binti Matrudin, Siti Aidah Binti Lukin@Lokin

Universiti Malaysia Sabah

qinasnrl893@gmail.com,

sitaiida@ums.edu.my

Abstrak

Pendidikan ialah salah satu aspek penting dalam pembangunan sesebuah negara dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Tujuan pendidikan diadakan adalah untuk melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, berfikiran kritis, seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, serta dapat memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara. Salah satu mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid sekolah di Malaysia secara berterusan dari Tahun Empat sehingga Tingkatan 5 ialah Pendidikan Sejarah. Pendidikan sejarah ini adalah penting untuk memberi ilmu pengetahuan dan asas kemahiran berfikir sejarah kepada masyarakat. Pendidikan Sejarah juga merupakan teras kepada pendidikan kewarganegaraan untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai perasaan taat setia, menghargai, dan cinta akan bangsa dan negara. Selain itu, Pendidikan Sejarah juga turut mengajarkan tentang nilai-nilai dalam sejarah untuk membentuk karakter murid yang dikenali sebagai Pendidikan Karakter. Walaupun Pendidikan Karakter telah ada dalam Pendidikan Sejarah, namun istilah Pendidikan Karakter kurang diberi perhatian dalam kajian sejarah yang dilakukan oleh pengkaji tempatan. Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan untuk memberi penjelasan berkaitan dengan latar belakang Pendidikan Karakter. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk menghuraikan tentang nilai-nilai karakter dalam Pendidikan Sejarah. Kajian ini juga menganalisis tentang pelaksanaan Pendidikan Karakter dalam Pendidikan Sejarah. Dari segi metodologi, kaedah yang dipilih ialah kaedah kualitatif berdasarkan kajian sejarah yang menggunakan sumber sekunder iaitu dengan merujuk buku dan artikel dalam jurnal untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Hasil daripada kajian ini dapat memberi pemahaman mengenai Pendidikan Karakter dan nilai-nilai karakter yang ada dalam Pendidikan Sejarah. Kajian ini juga memberi penerangan tentang pelaksanaan Pendidikan Karakter dalam Pendidikan Sejarah yang menjadi asas kepada pembinaan negara bangsa Malaysia.

Kata kunci: Pendidikan Karakter, Pendidikan Sejarah

PERANAN AGAMA ISLAM DALAM MEMBENTUK JATI DIRI DAN KEHIDUPAN KAUM MELAYU BRUNEI DI PANTAI BARAT SABAH (2017-2022)

Nurfarain Binti Abdul Rahman,
Mohd. Sohaimi Bin Esa,
Dayang Junaidah Binti Awang Jambol
Universiti Malaysia Sabah
farainrahman04@gmail.com,
msohaimi@ums.edu.my,
dqjunaidah@ums.edu.my

Abstrak

Agama Islam memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri dan kehidupan kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah. Agama Islam menjadi asas kepada nilai-nilai moral dan etika yang membimbing interaksi sesama manusia dan persekitaran sekeliling. Agama Islam juga menjadi pencetus dalam mengekalkan budaya dan tradisi kaum Melayu Brunei. Kerajaan Brunei berjaya meluaskan wilayahnya ke bahagian pantai barat Sabah menyebabkan pengaruh agama Islam semakin meluas di rantau ini. Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang sering berlaku antaranya ialah segelintir kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah kurang pemahaman serta kesedaran sepenuhnya terhadap ajaran agama Islam dan hanya mengikut tradisi yang diwarisi daripada nenek moyang. Sehubungan itu, kertas ini akan membincangkan beberapa objektif berikut, pertama ialah sejauhmanakah agama Islam dapat membentuk jati diri dan kehidupan kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah manakala objektif kedua, meneliti cabaran yang dihadapi oleh kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah dalam membentuk jati diri, budaya dan kehidupan melalui ajaran agama Islam. Data dikumpulkan melalui kajian yang dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif seperti mengaplikasikan teknik pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Dapatan kajian merumuskan bahawa agama Islam bukan sahaja melambangkan aspek penting dalam aspek keagamaan mereka tetapi juga dalam budaya, jati diri serta perhubungan sosial mereka. Dalam konteks ini, amalan keagamaan seperti solat, puasa dan zakat adalah sebahagian daripada rutin harian mereka yang mendalami kefahaman agama serta memupuk kebersamaan dalam kaum tersebut. Adalah diharapkan kajian ini dapat dimanfaatkan bagi menyuntik kefahaman dan kesedaran kepada masyarakat awam khususnya generasi kaum Melayu Brunei di pantai barat Sabah

terhadap peranan agama Islam dalam membentuk jati diri dan kehidupan mereka ke arah lebih baik.

Kata kunci: Peranan, Jati diri, Agama Islam, Melayu Brunei

PEMERINTAHAN KESULTANAN BRUNEI DALAM MENGHADAPI CABARAN KE ATAS PERDAGANGAN DI BORNEO PADA ABAD KE-19.

Norzida Binti Reduan

Universiti Malaysia Sabah

zidareduan@gmail.com

Abstrak

Pemerintahan Kesultanan Brunei khususnya diakhir abad ke-19 berdepan dengan cabaran dalam pelaksanaan sistem pemerintahannya, khususnya melibatkan perdagangan di kawasan Borneo. Justeru itu, perbincangan didalam penulisan ini adalah bersifat berfokus terhadap dua perincian utama iaitu dengan mengkaji faktor berlakunya masalah ekonomi Kesultanan Brunei pada abad ke-19 di kawasan tanah jajahannya. Manakala perincian yang seterusnya pula adalah dengan mengenalpasti implikasi masalah ekonomi yang akhirnya mendorong kepada berlakunya kejatuhan pelabuhan Kesultanan Brunei pada abad ke-19. Segala perolehan data dilakukan dengan menggunakan pendekatan sejarah berserta pendekatan kaedah kualitatif yang terdiri daripada data berbentuk primer dan juga sekunder. Berdasarkan daripada hasil dapatan data, faktor-faktor berlakunya masalah ekonomi Kesultanan Brunei adalah disebabkan kegagalan Sultan mengatasi aktiviti perlanunan, kurangnya pengaruh Sultan di wilayah-wilayah jajahan Brunei, dan kemerosotan perdagangan Brunei. Faktor-faktor sedemikian kemudiannya telah mendorong kepada berlakunya implikasi terhadap ekonomi Brunei yang akhirnya membawa kepada kejatuhan pelabuhannya. Implikasi tersebut antaranya telah mengakibatkan sumber pendapatan Kesultanan Brunei terjejas, hubungan perdagangan Brunei dengan pedagang-pedagang Eropah semakin goyah, dan keperluan Kesultanan Brunei terhadap bantuan kuasa luar sangat tinggi dalam usaha untuk menampung keperluan ekonomi Brunei. Walaupun Brunei berdepan situasi yang genting dalam ekonominya, namun kemunculan Singapura sebagai pelabuhan entrepot nyatanya telah menyelamatkan Brunei. Keadaan ini ekoran daripada pembukaan Singapura sebagai pelabuhan bebas membolehkan wilayah-wilayah jajahan Brunei khususnya di Barat Laut Borneo mengadakan hubungan dagang secara bebas.

Kata Kunci: Kesultanan Brunei, Cabaran, Perdagangan di Borneo

WARISAN BUSANA KIMARAGANG: RAGAM HIAS SABUNG KINALING

Nordiana Nasuha Molinka

Muzium Sabah

dianamolinka@gmail.com

Abstrak

Busana tradisional merupakan salah satu warisan dari leluhur sesebuah masyarakat yang telah wujud sejak zaman berzaman. Warisan budaya reka bentuk dan aksesori dalam pengayaan busana tradisional Dusun Kimaragang terutamanya dalam sabung kinaling menunjukkan bahawa masyarakat pada zaman dahulu sudah mempunyai ilmu dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi. Biasanya, masyarakat Kimaragang memakai busana tradisional semasa musim perayaan, keraian dan upacara berkaitan adat membuktikan yang masyarakat Dusun Kimaragang masih berpegang kepada budaya yang diwarisi. Fokus kajian ini adalah berkaitan dengan reka bentuk busana kinaling yang popular dalam kalangan masyarakat Kimaragang terutamanya di kawasan Pitas. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan menggunakan kaedah temubual dan perbandingan busana koleksi peribadi yang telah berusia lebih dari lapan dekad milik keluarga besar En. Molinka Buling. Diharapkan dengan adanya kajian seumpama ini dapat memberikan data terbaharu, penjelasan dan pencerahan terkini terhadap pakaian tradisional masyarakat Dusun Kimaragang di Sabah.

Kata kunci: busana tradisional, Kimaragang, budaya, Kaamatan, kinaling

'EQUALITY ON EQUAL' IMPAK DARWINISME SOSIAL TERHADAP MASYARAKAT PASCA MODENISME DI ASIA

Noorazmil Bin Noorta & Maureen De Silva

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,

Universiti Malaysia Sabah

azmilnoorta@gmail.com

maureend@ums.edu.my

Abstrak

Perkembangan darwinisme sosial pada awal abad ke-20 telah merubah landskap sosial manusia yang cenderung sejajar dengan perkembangan dan penemuan saintifik dalam konteks biologi manusia. Eugenic menjadi salah satu cabang ilmu saintifik yang sealiran dengan darwinisme sosial dalam membentuk proses rekonstruksi sosial yang bersifat rasisme, memperjuangkan gerakan untuk memperbaiki semula genetik bangsa manusia dengan mempromosikan selective breeding. Hal itu bertujuan untuk menghapuskan keberadaan golongan manusia yang dianggap sebagai inferior atau lesser breed sama ada secara sifat, fizikal atau biologinya. Bahana darwinisme sosial merebak sehingga ke Asia menerusi imperialisme, mewujudkan jurang sosial yang besar di antara penduduk yang dijajah menerusi status, martabat dan kekuasaan dengan melihat Barat sebagai paksi bangsa yang agung dan terhormat. Bagi mencapai objektif kajian, metodologi kajian yang digunakan dalam penulisan ini ialah kaedah kualitatif yang merujuk kepada sumber primer dan sekunder. Pengkaji menggunakan sumber primer dari internet seperti Hansard, Western Civilization Resources Centre, Darwin Project UK, dan beberapa buah penulisan asal Herbert Spencer sebagai rujukan sumber primer, serta mengakses jurnal artikel sebagai sumber sekunder bagi mengukuhkan penemuan artikel ini. Dapatan utama kajian ini mendapati bahawa darwinisme sosial telah digunakan sebagai suatu instrumen oleh penjajah di Asia yang untuk membentuk satu tanggapan secara umum dalam kalangan masyarakat yang dijajah bahawa manusia, walaupun dalam kategori ras yang sama mempunyai hierarki yang akan menentukan status, hak dan kekuasaan mereka. Tempoh pasca modernisme telah mendedahkan lagi impak darwinisme sosial terhadap bangsa yang baru merdeka, membawa kepada pelbagai masalah sosial di Asia seperti genosida dan layanan buruk terhadap bangsa minoriti Asia.

Kata Kunci: Darwinisme Sosial, Asia, kesamarataan, rasisme.

PEMIKIRAN ISLAH HASHIM A. GHANI (1927-2004) TERHADAP PERSOALAN TAKLID DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU

Mohamad Aqil Aziz Bin Tuah
Mohamad Shaukhi Bin Mohd. Radzi
Universiti Malaysia Sabah
aqilaziz.tuah@gmail.com

Abstrak

Hashim A. Ghani merupakan antara tokoh golongan islah terawal di Negeri Sembilan yang lantang menyebarkan idea islah. Perjuangan islahnya terutama dalam menjelaskan tafsiran berkenaan persoalan taklid telah menimbulkan reaksi yang berbeza dalam kalangan masyarakat. Makalah ini bertujuan untuk mengkaji pemaknaan Hashim A. Ghani berkenaan taklid dan menganalisis pemikirannya tentang dua persoalan utama taklid dalam kalangan masyarakat Melayu. Pendekatan kualitatif digunakan untuk makalah ini dengan menggunakan metodologi sejarah, menjurus kepada perolehan sumber daripada sumber primer dan sekunder iaitu kajian-kajian teks dan temu bual. Kajian ini mendapati pemaknaan taklid menurut Hashim A. Ghani adalah perbuatan menerima sesuatu pendapat atau fatwa seseorang dalam urusan agama tanpa diketahui sumber asalnya. Menurutnya, perbuatan taklid bertentangan dengan konsep ittiba'. Hashim A. Ghani menegaskan bahawa mengamalkan taklid ialah haram, sedangkan melakukan ittiba' ialah wajib. Dua persoalan taklid masyarakat Melayu yang telah menarik Hashim A. Ghani melakukan ulasan adalah berkenaan kekeliruan memahami taklid dan kewajipan taklid bermazhab. Pemikiran pertamanya terhadap kekeliruan memahami taklid masyarakat Melayu adalah dalam permasalahan dalam membezakan antara taklid dan ittiba', keabsahan melakukan taklid, dan isu kelayakan berijtihad. Kemudian, tunjang kedua persoalan taklid ialah persoalan kewajipan bermazhab. Hashim A. Ghani melontarkan penilaian semula terhadap isu kewajipan masyarakat untuk bertaklid kepada mazhab Shafi'i sahaja, pengharaman melakukan talfik dan pemahaman terhadap fungsi mazhab. Bagi kedua-dua persoalan utama taklid dalam masyarakat Melayu tersebut, Hashim A. Ghani secara halus memberikan ideanya tentang faktor, kesan, dan penyelesaian. Semua pemikiran beliau ini mampu diperoleh daripada tulisan karya-karya beliau. Tegasnya, kedua persoalan taklid ini telah mendapat perhatiannya kerana pembelengguan taklid telah berlegar dalam kalangan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi.

Kata kunci: Islah, Taklid, Mazhab, Hashim A. Ghani, Masyarakat Melayu, Negeri Sembilan

PERKEMBANGAN KAJIAN SEJARAH PERBANDARAN DI SABAH

Maziah binti Ag Damit dan Md. Saffie bin Abdul

Universiti Malaysia Sabah

mazahagdamit@gmail.com, saffierahim@gmail.com

Abstrak

Bandar utama di Negeri Sabah seperti Bandaraya Kota Kinabalu, Bandar Sandakan, bandar Tawau dan Bandar Lahad Datu merupakan bandar lama yang telah diwujudkan oleh pihak British sewaktu era penjajahan. Perkembangan bandar di Sabah pada awalnya hanya bertujuan sebagai pusat kegiatan ekonomi. Disebabkan bandar utama ini memperlihatkan kepentingannya kepada pihak British, maka bandar telah ditambahkan perannya sebagai pusat pentadbiran. Bandar di Sabah lebih banyak tertumpu di kawasan pelabuhan. Hal ini demikian adalah kerana kawasan perairan menjadi tumpuan masyarakat untuk dijadikan sebagai pusat perdagangan. Objektif utama kajian ini adalah untuk membincangkan perkembangan perbandaran di Sabah berdasarkan kajian sejarah. Penyelidikan ini secara totalnya akan menggunakan kedah kajian kepustakaan. Penggunaan sumber primer yang akan diperoleh daripada Arkib Negeri dijadikan sebagai bahan utama selain menggunakan data sekunder seperti buku, jurnal dan artikel digunakan sebagai sumber rujukan tambahan. Melalui analisis berdasarkan kaedah kajian penyelidikan yang digunakan, kajian ini mendapati jika bandar yang dibuka tidak dapat memberi manfaat secara maksimum kepada pihak penjajah, maka mereka akan mencari kawasan yang lebih strategik.

Kata Kunci: Bandar Sabah, British, pusat kegiatan ekonomi, pusat pentadbiran, kawasan strategik

FEDERALISME ASIMETRI DARI TAHUN 1963 HINGGA 2023: SATU KAJIAN KES TERHADAP SABAH

Mohd Asyraf Bin Hamdan

Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Sabah, yang merupakan salah satu negeri dalam Malaysia, telah dicirikan dengan bentuk federalisme yang unik yang membezakannya dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, iaitu federalisme asimetri. Artikel ini akan memberikan penekanan terhadap federalisme asimetri di Sabah, dengan memfokuskan kepada latar belakang sejarah, ciri geologi dan implikasi politiknya. Federalisme asimetri ini dalam konteks Sabah, adalah merujuk kepada kunikannya dalam mempunyai satu tahap autonomi yang lebih dalam pembahagian bidang kuasa dan sumber berdasarkan perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Yang dimana memainkan peranan yang penting dalam bukan sahaja pembangunan dan autonomi negeri tetapi juga kepada perkembangan federalisme asimetri itu sendiri. Oleh hal yang demikian, artikel ini bertujuan ingin melihat sejauhmanakah Sabah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan federalisme asimetri dalam negara

Kata Kunci: federalisme, federalisme asimetri, Perjanjian Malaysia, Sabah, Malaysia.

PDRM DALAM PERISTIWA DI KAMPUNG SIMUNUL, SEMPORNA

Douglas Nyeging Taong
Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Makalah ini membincangkan peranan Pasukan Polis Diraja Malaysia dalam peristiwa di Kampung Simunul yang telah mengorbankan nyawa pegawai dan anggota polis semasa menjalankan tugas dalam satu operasi pada 2 Mac 2013 jam lebih kurang 3.30 petang bertempat di sebuah perkampungan atas air iaitu Kampung Simunul, Semporna. Sasaran operasi adalah di beberapa buah rumah yang berada di kawasan Jambatan Tiga, Empat dan Lima, Kampung Simunul dan Kampung Sri Jaya, Semporna. Pasukan Operasi mengalami kesukaran mengesan kedudukan saspek yang sentiasa berpindah-pindah dari satu tempat ke tempat lain. Pada 2 Mac 2013 jam lebih kurang 7.00 petang, barulah kedudukan sasaran telah berjaya di kesan di jambatan nombor lima, Kampung Sri Jaya. Semasa proses membuat kepungan dilakukan, tiba-tiba bunyi tembakan telah dilepaskan ke arah pasukan polis yang membuat kepungan dipercayai menggunakan senjata M16 dari sebuah rumah berdekatan sasaran kejadian itu berlaku. Serangan ini disyaki dilakukan oleh segerompok tentera RSF yang memihak Agbimuddin. Kejadian berbalas tembakan antara pasukan polis dengan pihak musuh yang berlangsung selama lebih kurang setengah jam. Kejadian ini telah mengorbankan seramai enam orang anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan beberapa orang saspek yang terlibat dalam kejadian tersebut. Dalam kejadian ini pasukan Polis Diraja Malaysia yang diketuai oleh 69 Komando dengan dibantu oleh beberapa elemen PDRM telah dihantar dalam operasi menyelamatkan pegawai-pegawai dan anggota polis yang masih terperangkap. Operasi telah diteruskan untuk memburu saki baki anggota RSF yang masih bebas ke Pulau Bum- Bum pada 4 Mac 2013. Operasi menyelamatkan yang diketuai oleh Komando 69 merupakan operasi yang sukar namun telah dilaksanakan dengan jayanya.

EDUCATION FOR WOMEN IN BURMA DURING THE BRITISH COLONIAL PERIOD (1885-1948)

Emma binti Tingkas¹,

Maureen De Silva ²,

Faculty of Social Sciences and Humanities,
Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

excel2u07@gmail.com

Abstrak

This paper focuses on the history of female education during the British colonial era in Burma from 1885 until 1948. British officials had given the impression that Burmese women fared better in terms of the quality of life compared to women in Europe or India. During the dynastic period, women had always held a very high standing, whereby not only were they allowed to seek education which emphasized solely on Buddhism, but they were also able to get access to education freely like men did, became income earners for the family, and played an active role in the community. Immediately after the British conquered Burma, the colonial power began to implement a more organized and secular education system to replace the existing education that had long been rooted in Burmese society. However, did the secular education system bring added value to the development of education for Burmese women or did it only give an advantage to the men simply from the aspect of getting a much better education and providing a guarantee for the future? To what extent did the new system of education brought changes to Burmese society, particularly the women? This paper attempts to answer these questions by using a qualitative approach as well as historical analysis. The researcher fully utilizes primary and secondary sources in an effort to achieve the objectives of the study.

Keywords: education, women, secular, colonial power, Burma

SEJARAH FALSAFAH: FUNGSI DAN APLIKASI METOD KERAGUAN AL-GHAZALI DALAM PENGAJIAN SEJARAH.

Josrin bin Masandal, Mohd Hishamuddin bin Amid, Mohammad Sham Bin Mohammad,

Mohammad Firdaus Bin Hasmin

Josrinadi@gmail.com, samamid96@gmail.com, mohammadsham2307@gmail.com

firdaushasmin@gmail.com

Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Metod atau kaedah keraguan ini telah dijelaskan dan dipraktikkan oleh imam Al-Ghazali dalam menerapkan pendiriannya dalam soal falsafah ilmu bagi mencapai ilmu yang baik. Namun demikian keraguan ini merupakan satu sifat semula jadi manusia dan cara keraguan ini telah dibincangkan dan dipraktikkan sejak tamadun Yunani berdasarkan kepada tokoh-tokoh falsafahnya, yang merupakan satu tampilan mereka untuk membincangkan dan merumuskan ilmu pengetahuan yang dirasakan mencapai kebenaran. Dan Imam Al-Ghazali telah membentuk kaedah keraguan tersendiri dan menggunakan kaedah tersebut dalam mengkaji ilmu pengetahuan yang berada dalam sekitar kehidupannya, tujuan tindakannya adalah supaya beliau memperoleh ilmu pengetahuan yang diyakininya benar. Objektif kajian ini adalah bagi mengkaji metod keraguan Al-Ghazali fungsinya dalam bidang ilmu sejarah. Metodologi yang dipakai adalah berdasarkan kepada merungkai dan mengeluarkan isi kandungan teks dengan kata lain ia merupakan satu kaedah meneliti tekstual yang terdapat dalam karya Imam Al-Ghazali seperti karyanya bertajuk *al-munqidz min ad dalal* dengan mentafsir idea Imam Al-Ghazali. Dsamping itu, merujuk kepada sumber sekunder berdasarkan kepada kajian kepustakaan bagi menjelaskan ulasan kajian. Dan hasil kajian mendapati bahawa terdapat kegunaan dan fungsi metod keraguan Imam Al-Ghazali dalam pengajian sejarah iaitu salah satunya bersandarkan kepada pentafsiran dan penggunaan sumber serta falsafah ilmu sejarah. penulisan ini adalah bagi memberikan pengetahuan dan pemahaman dalam idea metod keraguan Imam Al-Ghazali serta ilmu falsafah juga memberikan penambahbaikan dalam bidang pengajian sejarah. Serta membawa kepada berfikir kepada dimensi yang pelbagai dalam mentafsir, mengkaji dan menulis sejarah. Ini secara jelas dapat mengembangkan panduan dalam penampilan cara berfikir dalam bidang ilmu sejarah bahkan menghasilkan satu bahan ilmiah tulisan sejarah yang baik.

Kata kunci: Al-Ghazali, metod keraguan, falsafah, ilmu sejarah, aplikasi

PERUBAHAN & PERKEMBANGAN EKONOMI MARITIM DI BORNEO UTARA, 1704-1898 BERDASARKAN TEORI "THE FIVE STAGES OF ECONOMIC GROWTH" OLEH ROSTOW

M. Malik Ag Rasin
Universiti Malaysia Sabah
almaliki@ums.edu.my

Ismail Ali
Universiti Malaysia Sabah
ismailrc@ums.edu.my

Abstrak

Perkembangan ekonomi maritim di Borneo Utara semasa era tradisional dipacu oleh kekayaan sumber laut dan dasar pemerintah yang bersandarkan kepada sistem monarki atau beraja. Laut dilihat bukan sahaja sebagai medium perhubungan mahupun medan perluasan kuasa atau penyebaran pengaruh malah sebagai medium bagi melengkapkan keperluan ekonomi masyarakat tradisional selain memenuhi kepentingan para pemerintah pada ketika itu. Namun begitu, kehadiran kuasa barat seperti American Trading Company (ATC) pada tahun 1850 dan North Borneo Chartered Company (NBCC) pada tahun 1881 telah mendatangkan perubahan dan memberi kesan kepada landskap ekonomi tempatan terutama yang berasaskan kepada sumber kelautan. Perubahan dan perkembangan ini dapat difahami dengan pendekatan Rostow dalam the five stages of economic development. Persoalan yang mendasar dalam kajian ini adalah sejauhmanakah konsep perubahan dan perkembangan ekonomi oleh Rostow dapat difahami dalam konteks sejarah perkembangan ekonomi maritim di Borneo Utara? Apakah perbezaan antara konsep "perubahan" dan "perkembangan"? Bagaimanakah perkembangan ekonomi maritim di Borneo Utara dalam tempoh masa kajian ini dijalankan dan diceritakan berdasarkan teori Rostow ini? Menyedari kepentingan disiplin sejarah sebagai "ibu kepada semua ilmu" maka penulisan ini akan memperincikan perubahan dan perkembangan ekonomi maritim di Borneo Utara bermula tahun 1704 iaitu semasa pemerintahan kesultanan Sulu sehingga kedatangan kuasa barat. Selain itu, penulisan ini juga akan membincangkan persoalan terminologi yang membezakan konsep perubahan dan perkembangan dalam penelitian ekonomi maritim di Borneo Utara yang melalui lima peringkat perkembangan sepertimana yang dipelopori oleh Rostow.

Kata kunci: Perubahan, Perkembangan, Ekonomi Maritim, 5 Stages of Economic Development & Borneo Utara

PENILAIAN TRANSAKSI PELAKSANAAN PROGRAM KARNIVAL STEM MENGUNAKAN MODEL PENILAIAN STAKE

Akmal bin Idrus

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

akmalidrus@gmail.com

Abstrak

Model Penilaian Stake bertindak sebagai suatu model penilaian yang boleh digunakan bagi menilai keberkesanan suatu program dengan melihat kepada kesepadanan antara anteseden, transaksi dan hasil yang dicadangkan dengan anteseden, transaksi dan hasil yang diperhatikan. Bagi menilai elemen transaksi untuk pelaksanaan program berunsurkan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM), Model Penilaian Stake menyediakan satu kerangka penilaian program yang jelas dengan memberi panduan yang berfokus terhadap transaksi program yang dicadangkan dan transaksi program yang diperhatikan melalui pemerhatian serta penilaian sebelum, semasa dan selepas program berjalan. Kajian ini menilai Program Karnival STEM yang diadakan di sebuah sekolah di daerah Sipitang yang memfokuskan penilaian terhadap peringkat transaksi bagi program tersebut. Pendekatan kualitatif digunakan bagi kajian ini dengan kaedah kajian kes yang menggunakan pensampelan bertujuan dalam pemilihan informan yang sesuai. Triangulasi data turut dibuat bagi meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan kajian dengan berpandukan kepada tiga kaedah pengumpulan data iaitu temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian. Dapatan kajian mendapati terdapat kekongruenan antara transaksi yang dicadangkan dengan transaksi yang diperhatikan. Kajian penilaian terhadap program ini penting untuk dijadikan panduan bagi tujuan penambahbaikan dan perancangan program berunsurkan STEM yang lebih teratur pada masa yang akan datang.

PENGARUH PERSEKITARAN GURU TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR: SATU ANALISIS SOROTAN LITERATUR

Asia binti Lawang

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah

asialawang18@gmail.com

Dr. Musirin bin Mosin

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah

musirin@ums.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dapatan pengkaji-pengkaji lepas tentang pengaruh persekitaran guru terhadap pencapaian bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. Pengkaji telah menggunakan pendekatan analisis kandungan terhadap 20 artikel yang berkaitan dengan pengaruh persekitaran guru terhadap pencapaian akademik pelajar. Iklim persekitaran sekolah dikenal pasti sebagai salah satu elemen yang memberi kesan langsung terhadap gaya pengajaran guru. Fraser (1986) menyatakan bahawa faktor persekitaran sekolah adalah lebih luas dan tidak terhad kepada kelas. Persekitaran sekolah boleh diertikan sebagai persekitaran sosial, persekitaran afektif dan persekitaran akademik. Ruang persekitaran pembelajaran juga menjadi salah satu elemen yang dititikberatkan dalam Transformasi Sekolah 2025 atau dikenali sebagai TS25. Kesan wabak Covid-19 sejak tahun 2019 telah mengetengahkan satu lagi ruang persekitaran pengajaran dan pembelajaran iaitu persekitaran maya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor persekitaran guru seperti bilik darjah yang kondusif, kemudahan yang disediakan oleh pihak sekolah, dana dan sokongan pentadbir. Kesimpulannya, persekitaran guru yang mendorong kepada peningkatan motivasi dan tahap keyakinan guru mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Hal ini berlaku disebabkan guru dapat menumpukan perhatian dan komitmen terhadap aspek pedagogi.

Kata kunci: Pengaruh persekitaran, Iklim sekolah, Pencapaian akademik.

HUMOR RELIEF DALAM PENGAJARAN GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

Azrul Azrin Bin Mohd. Tairudin, Dr. Musirin Bin Mosin

azrulazrin.mt@gmail.com, musirin@edu.ums.my

Abstrak

Penggunaan humor relief dalam amalan pengajaran dan pemudahcaraan guru amat relevan dan menjadi satu kepentingan pada masa kini. Humor relief merupakan salah satu faktor utama dalam menjadikan pembelajaran itu sesuatu yang menyeronokkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang positif. Hal ini bertepatan dengan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang Kedua, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti 2018 menyatakan dalam Standard Empat iaitu guru perlu mewujudkan suasana yang kondusif untuk keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Maklumat dalam borang penskoran Standard Empat juga menyatakan bahawa pembelajaran dan pemudahcaraan dalam aspek guru perlu mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan mengikut kesesuaian dan keperluan, secara berhemah, menyeluruh dan berterusan yang mana hal ini telah dilaksanakan oleh para guru di Malaysia dalam pengajaran mereka. Kajian ini secara khususnya ingin meneroka amalan pengajaran guru Bahasa Melayu yang menggunakan humor relief dalam pengajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah di daerah Tenom, Sabah. Pendekatan kajian ini akan menggunakan kajian kualitatif, manakala reka bentuk kajian adalah fenomenologikal. Instrumen yang digunakan dalam melaksanakan pengumpulan data adalah temu bual separa berstruktur, rakaman audio pengajaran dan analisis dokumen. Pemilihan peserta kajian seramai tujuh orang adalah secara bertujuan dan berdasarkan kriteria humor yang ditentukan oleh penyelidikan berpandukan kajian- kajian lepas mengenai humor dalam pengajaran. Analisis data telah dilaksanakan dengan menggunakan analisis tematik. Tema-tema yang dihasilkan adalah berdasarkan pengulangan elemen berdasarkan data yang diperoleh melalui hasil analisis dapatan daripada data verbatim para peserta kajian. Kajian ini akan memberi ilmu baru kepada para guru serta dapat dijadikan cadangan panduan kepada para penyelidik yang berminat dalam kajian psikologi pembelajaran dan juga dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kajian ini dapat mencadangkan satu panduan penggunaan humor relief dan berfokus kepada subjek Bahasa Melayu. Kajian ini juga akan dapat memberi cadangan panduan bahan yang sesuai dalam amalan pengajaran yang menggunakan humor relief. Akhir sekali, kajian ini juga akan dapat mencadangkan panduan kepada guru di sekolah rendah, Pejabat Pendidikan Daerah, Kementerian Pendidikan

Malaysia, dan juga Institut Pendidikan Guru Malaysia dalam aspek penekanan kepada pengajaran yang menggunakan humor relief.

Kata kunci : Humor relief, Sekolah rendah, Bahasa Melayu

HUBUNGAN GAYA PEMBELAJARAN DENGAN PENCAPAIAN SAINS PELAJAR TINGKATAN EMPAT DI SEKOLAH-SEKOLAH LUAR BANDAR, SANDAKAN

Evelyn Joseph

Crispina Gregory K Han

Universiti Malaysia Sabah

evelynjoseph2018@gmail.com

crispina@ums.edu.my

-

Abstrak

Kajian kuantitatif ini melihat hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian sains yang melibatkan populasi pelajar Tingkatan Empat dari sekolah-sekolah menengah kategori luar bandar di daerah Sandakan, Sabah. Jenis gaya pembelajaran yang terlibat ialah Permukaan, Mendalam, Terancang dan Gigih usaha. Terdapat empat buah sekolah menengah kategori luar bandar di daerah Sandakan. Seramai 242 orang pelajar Tingkatan Empat yang mengambil subjek Sains terpilih dari sekolah tersebut untuk menjadi sampel bagi kajian ini. Sampel dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah. Kajian tinjauan ini menggunakan instrumen soal selidik yang diadaptasi dan diubahsuai daripada *Studying at School Inventory (SASI)* oleh Selmes (1987) dan ujian pencapaian sains yang dibina oleh penyelidik. Soal selidik tersebut menggunakan skala Likert 5 mata. Nilai alfa Cronbach yang diperoleh ialah 0.870. Analisis statistik inerensi melibatkan ujian korelasi Pearson *Product Moment*. Hasil kajian mendapati gaya pembelajaran (permukaan) mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian sains. Implikasi kajian menunjukkan gaya pembelajaran (permukaan) harus dititikberatkan bagi meningkatkan pencapaian sains di sekolah-sekolah luar bandar.

Kata kunci: Gaya pembelajaran, Pencapaian sains dan Sekolah luar bandar.

**HUBUNGAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DAN PEMBELAJARAN
ABAD KE-21 TERHADAP PELAKSANAAN KBAT DI SEKOLAH MENENGAH
NEGERI SABAH**

Fadzilah. P¹, Suhairullah. O. R², Kassim. M. M³, M. Khairuddin@Jerry. A, M⁴. Suhaimi. T⁵.

¹ Institut Pendidikan Guru Kampus Kent,

² Institut Pendidikan Guru Kampus Kent,

³ Universiti Malaysia Sabah,

⁴ Universiti Malaysia Sabah,

⁵ Universiti Malaysia Sabah

¹ fadz_dila@yahoo.com.edu.my

² kentyeyeng@gmail.edu.my

³ kmansur@ums.edu.my

⁴ khair@ums.edu.my

⁵ suhaimi@ums.edu.my

Abstrak

Penyelidikan ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji persepsi guru mengenai amalan Komuniti Pembelajaran Profesional, pembelajaran abad ke-21 dan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi atau KBAT dalam kalangan guru sekolah menengah di negeri Sabah. Kajian kuantitatif dan bukan eksperimental ini juga menggunakan kaedah tinjauan. Sementara itu, kajian ini turut menggabungkan beberapa teknik pensampelan iaitu rawak kluster, rawak berstrata dan rawak mudah. Data diperolehi dengan mengedarkan satu set borang soal selidik yang telah adaptasi daripada penyelidik asal. Seramai 400 orang responden yang terdiri daripada guru sekolah menengah di negeri Sabah telah menjawab soal selidik tersebut. Data dianalisis melalui kaedah statistik deskriptif dan inferensi yang menggunakan perisian IBM SPSS dan AMOS-SEM Statistics. Dapatan kajian menunjukkan amalan Komuniti Pembelajaran Profesional, pembelajaran abad ke-21 guru dan pelaksanaan KBAT guru diamalkan pada tahap yang tinggi. Kajian juga membuktikan bahawa terdapat hubungan dan pengaruh secara langsung dan tidak langsung yang signifikan antara Komuniti Pembelajaran Profesional dan pembelajaran abad ke-21 terhadap pelaksanaan KBAT guru. Akhir sekali, implikasi serta cadangan kajian lanjut juga turut dibincangkan dalam penyelidikan ini.

Kata kunci: Komuniti Pembelajaran Profesional, pembelajaran abad ke-21, pelaksanaan KBAT guru

AMALAN PENGAJARAN DAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA TERHADAP PENCAPAIAN MATEMATIK PELAJAR TINGKATAN SATU SEKOLAH MENENGAH DI LIMBANG, SARAWAK.

Fifiriana binti Kardranan¹, Crispina Gregory K Han² dan Mohammad Azri Amatan³

¹ SMK Seri Patiambun, Limbang,

² University Malaysia Sabah,

³ SMK Tebobon, Kota Kinabalu

¹ fifiriana@gmail.com

² crispina@ums.edu.my

³ mazria_2387@yahoo.com.my

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti tahap dan hubungan amalan pengajaran dan penggunaan teknologi multimedia terhadap pencapaian matematik Tingkatan 1 di Daerah Limbang, Sarawak. Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak mudah digunakan terhadap 234 orang pelajar Tingkatan 1 sebagai responden. Kajian kuantitatif ini dilakukan melalui pengumpulan data menggunakan set soal selidik yang mengandungi 41 item. Data dianalisis secara statistik deskriptif dan statistik inferensi menggunakan perisian *IBM Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 25.0. Nilai *Alpha Cronbach* bagi soal selidik amalan pengajaran dan penggunaan teknologi multimedia masing-masing ialah .90 dan .64. Hasil kajian secara statistik deskriptif mendapati bahawa amalan pengajaran adalah pada tahap yang sangat baik manakala penggunaan teknologi multimedia adalah pada tahap baik dan boleh diterima. Bagi pencapaian matematik Tingkatan 1 pula berada pada belum mencapai tahap minimum. Selain itu, hasil ujian kolerasi *Pearson Product-Moment* mendapati bahawa amalan pengajaran guru dengan pencapaian matematik Tingkatan 1 mempunyai hubungan tidak signifikan iaitu $r(234) = .076, p < 0.05$. Manakala hubungan antara penggunaan teknologi multimedia dengan pencapaian matematik Tingkatan 1 juga tidak signifikan iaitu $r(234) = .041, p < 0.05$. Ini menunjukkan bahawa amalan pengajaran dan penggunaan teknologi multimedia tidak memberikan kesan yang signifikan terhadap pencapaian matematik Tingkatan 1.

Kata kunci: Amalan pengajaran, teknologi multimedia, Matematik

KEGAGALAN PENERAPAN UNSUR PATRIOTISME DALAM PENGAJARAN GURU SEJARAH

Musirin Bin Mosin dan Stephanie Anak Ajol

Universiti Malaysia Sabah

musirin@ums.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertajuk Kegagalan Penerapan Unsur Patriotisme Dalam Pengajaran Sejarah. Ini bermakna pengkaji meneliti khusus faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan tersebut. Dimaklumi bahawa Sejarah merupakan subjek wajib lulus, dengan harapan pelajar masa hadapan memperoleh pengetahuan mengenai kehebatan perjuangan dan pengorbanan pejuang terdahulu kerana nilai-nilai patriot teradun erat dalam jiwa dan kendiri seorang pejuang. Malangnya, nilai patriotisme ini kian terhakis walaupun dalam pengajaran subjek Sejarah diwajibkan pelaksanaannya. Ahmad Rusdi (2002) menjelaskan masih wujud kekaburan kepada penerapan serta penghayatan nilai patriotisme dalam kalangan generasi muda. Manakala Ramlah Adam (2004) yang memetik ucapan Mantan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad, yakni... "Patriotisme semakin hilang dalam kalangan generasi muda. Usaha pemupukan perlu dilakukan oleh orang dewasa untuk menghidupkan dalam sanubari generasi muda tentang patriotisme, yang penting dalam menghidupkan perpaduan dan arah tuju negara." Inti ucapan merujuk kepada situasi generasi muda yang kian hari terhakis nilai-nilai patriotisme yang sebenarnya dahulu pernah menjadi kekuatan para pejuang kemerdekaan wilayah yang membentuk negara Malaysia. Kajian ini bersifat fenomenologi, di mana isu berkaitan dengan penelitian terhadap faktor kegagalan subjek menerima unsur atau nilai-nilai patriotisme. Oleh kerana, isu yang dikaji berkaitan dengan sifat, nilai dan pengalaman manusia mengenai kecintaan negara, maka paradigma yang bersesuaian untuk digunakan dalam kajian ialah interpretivisme di mana setiap sifat, nilai dan pengalaman perlu ditafsir akan maksudnya. Justeru itu, pendekatan yang sesuai digunakan ialah kualitatif serta data kajian diperolehi melalui temu bual. Manakala analisis data dilakukan secara manual dengan menggunakan analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan tiga faktor kegagalan utama dalam penerapan nilai patriotisme, iaitu faktor masa, faktor pelajar dan faktor guru. Rumusannya, penerapan nilai-nilai patriotisme memerlukan masa yang mencukupi untuk disampaikan oleh guru. Guru perlu peka dalam menyampaikan nilai-nilai berkenaan dalam

pengajaran, disamping menyediakan situasi yang bersesuaian agar pelajar bersedia menerima dan mengamalkan nilai-nilai patriotisme tersebut.

Kata kunci: Kegagalan, penerapan, nilai-nilai, patriotism, pengajaran Sejarah

**PENGETAHUAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN STEM DALAM
KALANGAN GURU SAINS DI SEKOLAH RENDAH DAERAH
TELUPID/TONGOD**

Nadiah Binti Lamri
Fakulti Psikologi dan Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah
lamrinadiah@gmail.com

Abstrak

Pendidikan STEM telah diperkenalkan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dengan tujuan mendepani cabaran semasa dalam sistem pendidikan negara. Susulan pengenalan pendidikan STEM, pencapaian Malaysia dalam PISA 2018 menunjukkan peningkatan berbanding sebelumnya. Hal ini bercanggah dengan Laporan Tahunan 2020 bagi PPPM 2013-2025 yang merekodkan hanya 47.18 peratus pelajar memilih aliran sains pada peringkat menengah atas. Sejajar ini, guru sains sekolah rendah dipilih sebagai responden kajian kerana penting untuk mengenal pasti masalah berkaitan PdP STEM sejak dari peringkat sekolah rendah lagi. Guru perlu memiliki pengetahuan serta kemahiran menyampaikan ilmu untuk memastikan PdP berjalan lancar. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan PdP STEM dalam kalangan guru sains di sekolah rendah daerah Telupid/Tongod. Reka bentuk kajian adalah kajian statistik deskriptif menggunakan kaedah tinjauan jenis keratan rentas dengan pendekatan kuantitatif. Seramai 70 orang guru sains daripada 31 buah sekolah rendah di daerah Telupid/Tongod terlibat dalam kajian ini. Teknik pensampelan rawak mudah digunakan dalam proses mengumpul data kajian menggunakan borang soal selidik. Menerusi pelaksanaan analisis deskriptif dengan perisian *Statistical Packages for the Social Science (SPSS)* versi 26.0, didapati tahap pengetahuan PdP STEM guru sains sekolah rendah daerah Telupid/Tongod secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana.

Kata kunci: pendidikan STEM, pengetahuan, guru sains

**KERTAS KONSEP PEMBANGUNAN INSTRUMEN PENGAJARAN KREATIF GURU
PRASEKOLAH BERASASKAN CFTI (CREATIVITY FOSTERING TEACHER INDEX)
TERHADAP SENI BAHASA KANAK-KANAK**

NUR ATIQAH BT MAT SABERI
Universiti Pendidikan Sultan Idris
nuratiqahupsi2023@gmail.com

DR. NOR MASHITAH BT MOHD RADZI
Universiti Pendidikan Sultan Idris
nmashitah@fpm.upsi.edu.my

PROF. MADYA DR. LOY CHEE LUAN
Universiti Pendidikan Sultan Idris
loy.d@fpm.upsi.edu.my

Abstrak

Seni bahasa dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) merujuk kepada keupayaan murid memahami, mengungkap, dan menghargai bahasa yang indah melalui pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur melalui pelbagai aktiviti dan permainan bahasa seperti nyanyian, bercerita, berlakon, dan berpuisi. Pengajaran guru prasekolah yang kreatif menyumbang impak yang besar terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) seni bahasa kanak-kanak. Kertas konsep ini merupakan konsep kajian yang sedang dijalankan mengkaji dan menentukan domain pengajaran kreatif guru prasekolah berasaskan CFTI (Creativity Fostering Teacher Index) dalam pengajaran seni bahasa kanak-kanak. Kajian literatur yang berfokuskan kepada kajian-kajian dan pengamatan terhadap kajian lepas menjadi teras bagi kajian yang dijalankan. Kajian pembangunan instrumen ini juga diperkukuhkan melalui kesahan pakar yang dilantik secara teknikal untuk menyemak dan mengesahkan kandungan instrumen yang dibangunkan. Kajian rintis akan dilaksanakan bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan item yang dibina sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Dapatan kajian rintis akan dianalisa menggunakan pendekatan Model Rasch melalui analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan Item dan Responden serta Indeks Pengasingan Item, Analisis Polariti Item, Analisis Kesesuaian Item dan Analisis Korelasi Item. Analisis ini dipilih bagi menentukan sama ada boleh diterima, dimurni atau digugurkan. Menerusi kajian sebenar, dapatan dari soal selidik akan dianalisa dengan menggunakan aplikasi Model Rasch iaitu menggunakan perisian Winsteps dalam menentukan dan pembentukan instrumen yang dibina. Diharapkan pembinaan instrumen ini dapat dijadikan

panduan dan rujukan kepada guru prasekolah agar sentiasa kreatif bagi memastikan pengajaran seni bahasa menjadi lebih kreatif, menarik dan berkesan.

Kata kunci: Pengajaran Kreatif, Guru Prasekolah, Seni Bahasa

**KAEDAH FUZZY DELPHI: REKA BENTUK PEMBANGUNAN MODUL
PENINGKATAN IMAGINASI – KREATIF (PIK) PRASEKOLAH
BERASASKAN LAGU KANAK-KANAK MELAYU TRADISIONAL**

Nurul Jannah Binti Kamaruddin
Universiti Pendidikan Sultan Idris
jannahdin@unisel.edu.my

Prof.Madya Dr. Abdul Halim Bin Masnan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
abdul.halim@fpm.upsi.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan mendapatkan kesepakatan pakar untuk Pembangunan Modul Peningkatan Imajinasi – Kreatif (PIK) Prasekolah Berasaskan Lagu Kanak-Kanak Melayu Tradisional. Pendekatan yang digunakan untuk mengumpul data kajian adalah menggunakan instrumen soal selidik yang akan diberikan kepada pakar. Bilangan pakar yang terlibat adalah seramai 11 orang. Terdapat beberapa kriteria di dalam penentuan pakar, iaitu para pakar ini terdiri daripada pensyarah Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan daripada pensyarah Jabatan Muzik yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun serta guru cemerlang prasekolah. Segala data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi. Borang soal selidik kajian mengandungi empat bahagian iaitu terdiri daripada Bahagian A iaitu bahagian Demografi yang terdiri daripada empat (4) soalan berkaitan latar belakang. Seterusnya Bahagian B terdiri daripada Keperluan terhadap pembinaan modul yang mengandungi tujuh (7) soalan. Bahagian C pula mengandungi Keperluan kandungan pembinaan modul yang terbahagi mengandungi lapan (8) soalan dan Bahagian D mengandungi Penggunaan lagu kanak-kanak melayu tradisional dalam modul mengandungi tujuh (7) soalan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesepakatan atau konsensus kumpulan pakar bersetuju kesemua item. Implikasi kajian menunjukkan Pembangunan Modul Peningkatan Imajinasi – Kreatif (PIK) Prasekolah Berasaskan Lagu Kanak-Kanak Melayu Tradisional yang dihasilkan mempunyai nilai kebolegunaan yang tinggi. Modul ini boleh dijadikan panduan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menambah bahan mengajar di peringkat prasekolah di seluruh Malaysia.

Kata kunci: fuzzy delphi, reka bentuk pembangunan, Modul, prasekolah, lagu kanak-kanak

**PELAKSANAAN AMALAN TERBAIK PENGAJARAN GURU PRASEKOLAH
BAGI MENCAPAI STRATEGI PENGAJARAN YANG BERKESAN
TERHADAP KANAK-KANAK**

Shuhaiza Binti Mohd Sharif University
Pendidikan Sultan Idris
norhaiza07@gmail.com

Prof. Madya Dr. Abdul Halim Bin Masnan
Universiti pendidikan Sultan Idris
Abdul.halim@fpm.upsi.edu.my

Abstrak

Pengajaran guru yang efektif memberikan impak pembelajaran yang bermakna kepada pelajar. Pendekatan yang berstruktur dan terancang digunakan oleh guru dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di prasekolah. Amalan Terbaik Pengajaran (ATP) guru prasekolah merangkumi aspek perancangan aktiviti, pelaksanaan pengajaran dan pelaksanaan pentaksiran pengajaran . Kajian ini bertujuan untuk meneroka Amalan Terbaik Pengajaran guru prasekolah ke atas pengetahuan mengajar, kemahiran mengajar dan pelaksanaan penilaian pengajaran dan pembelajaran berdasarkan beberapa standard yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kaedah tinjauan digunakan dalam kajian ini. Sampel kajian melibatkan empat orang guru prasekolah dalam daerah Larut , Matang dan Selama, Perak yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Kajian rintis dan trigulasi data melalui temubual separa struktur, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen dilaksanakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan data. Dapatan kajian menunjukkan pengetahuan guru dalam memahami isi pengajaran dan merancang aktiviti mampu menjadikan sesi pengajaran lebih terancang dan tersusun untuk membantu pemahaman kanak-kanak . Implikasi kajian menunjukkan Amalan Terbaik pengajaran mampu untuk membantu memperkembangkan potensi kanak-kanak dalam membangunkan kemenjadian murid-murid prasekolah.

Kata kunci : Amalan Terbaik Pengajaran , guru prasekolah , strategi pengajaran

PERANAN JURULATIH, INTERAKSI SOSIAL DAN KECERDASAN EMOSI

Suhairullah bin Omar Ramih, Fadzilah binti
Patman IPG Kampus Kent Tuaran
Kasim bin Md. Mansur, Roslee bin Talip, Muhamad Suhaimi bin
Taat Universiti Malaysia Sabah

Abstrak

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji peranan jurulatih dan interaksi sosial terhadap kecerdasan emosi. Kajian bukan eksperimental ini menggunakan kaedah tinjauan dan beberapa teknik persampelan kebarangkalian telah digabungkan untuk mendapatkan sampel. Data dikumpul menggunakan satu set borang soal selidik adaptasi yang ditadbir ke atas 370 responden yang hadir menyertai program pendidikan luar. Data dianalisis secara statistik deskriptif dan inferensi menggunakan perisian IBM SPSS dan AMOS-SEM *Statistics Version* 23. Dapatan kajian menunjukkan data yang digunakan dalam kajian ini mempunyai penyesuaian munasabah yang signifikan bagi model yang dicadangkan. Melalui analisis laluan SEM juga menunjukkan terdapat hubungan dan pengaruh secara langsung dan tidak langsung yang signifikan antara peranan jurulatih, interaksi sosial dan kecerdasan emosi dalam program Pendidikan luar.

Kata kunci : peranan jurulatih, interaksi sosial, kecerdasan emosi

KESANTUNAN BERBAHASA KADAZANDUSUN DALAM TUTORIAL

PELAJAR IPGM

Vurisiah Dadong,

fideliasiah@yahoo.com,

Dr. Musirin Bin Mosin, Mohd. Nor Azan Bin Abdullah

Universiti Malaysia Sabah

musirin@ums.edu.my, azan@ums.edu.my

Abstrak

Kajian kesantunan berbahasa kadazandusun dalam tutorial dapat dilihat melalui puisi tradisional Sudawil mengandungi nilai-nilai yang melahirkan bahasa sopan, murni serta sesuai dijadikan sebagai contoh kesantunan berbahasa Kadazandusun. Brown & Levinson (1987) sapaan, tidak memohon maaf meninggalkan tutorial lebih awal, terlewat kelas tutorial dan tidak menerima nasihat. Dalam kajian ini, pengkaji meneliti kewujudan unit atau tema kesantunan berbahasa Kadazandusun semasa tutorial, seperti dinyatakan dalam rintis kajian. Lowman (1984) tutorial dijalankan secara individu dan kumpulan kecil merupakan tulang belakang kepada pendidikan tinggi, manakala Penner (1984:95) ketika tutorial pensyarah memberi perhatian kepada seorang pelajar atau beberapa orang pelajar melalui perjumpaan yang tetap. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian fenomena dan menggunakan teori Brown dan Levinson (1987) sebagai landasan kajian. Protokol temu bual digunakan sebagai instrumen pengumpulan data dan dianalisis secara tematik bertujuan menyaring kod, membentuk kriteria dan akhirnya membina tema yang relevan untuk menjawab soalan kajian dengan menggunakan perisian Nvivo 12 Plus. Lokasi kajian dijalankan di IPGM Sabah kerana terdiri daripada persekitarannya masyarakat Kadazandusun. Hasil dapatan melalui tema dalam tutorial dapat dirujuk dalam Jadual 1, seramai 6 orang pensyarah terlibat berdasarkan kod : menghormati 'Zandi'- puan TB1ROSPEN, sapaan kepada pelajar 'Oi Ondu' (perempuan) atau 'Oi Usai' (lelaki) TB2VICPEN, Sapaan hormat 'mongingia' (guru), 'yoku' (saya) TB3JAMPEN, Bersopan-santun 'kopivosian mongingia', Apa khabar doktor TB4SIEPEN, 'tidak menyakitkan hati dan perasaan' TB5REDPEN dan memberi hormat 'mongingia', 'zandi', 'tuan', 'doktor' TB6AMIPEN. Manakala Jadual 2, seramai 9 orang pelajar terlibat berdasarkan kod: Sapaan 'Moliaka' (kakak), 'Moliadi' (adik), TB1FATPEL, panggilan 'doktor', 'cikgu' TB2CHAPEL, Panggilan pensyarah 'gundohing' TB3ELYPEL, pensyarah lelaki 'gudohing', perempuan 'zandi' TB4CLEPEL, panggilan hormat 'doktor', 'gundohing', 'zandi' TB5RONPEL, pensyarah 'zandi/puan', gundohing/encik' TB6ELAPEL, hormat 'doktor', 'puan' TB7MERPEL, sapaan 'kakak', 'abang', 'doktor', 'professor' TB8ERNPEL dan sapaan 'lungkitas/pensyarah', 'zandi', 'gundohing' TB9WAIPEL. Dengan itu,

berdasarkan Kod, didapati penggunaan kesantunan berbahasa Kadazandusun pensyarah dan pelajar IPGM dalam tutorial adalah sangat baik.

Kata kunci: Kesantunan berbahasa, Kadazandusun, Tutorial, Pelajar IPGM

TAHAP LITERASI KOMPUTER PELAJAR DAN KESANNYA TERHADAP MOTIVASI BELAJAR

Dorah Binti Mohamed Darul
Noorhasimah Binti Kassim,
K.B,P.A

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kota Kinabalu (PKK), Malaysia (Email:
dorahpkk@gmail.com)

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kota Kinabalu (PKK), Malaysia(Email:
rhassika@gmail.com)

Abstrak

Disebabkan pembelajaran dalam talian, pelajar memerlukan tahap literasi komputer yang tinggi untuk berjaya dalam pembelajaran. Disamping itu, kemahiran dalam komputer diperlukan untuk pekerjaan dan mencipta inovasi di masa hadapan. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana tahap literasi pelajar dan hubungannya dengan motivasi belajar. Sampel kajian adalah seramai 130 orang pelajar Politeknik Kota Kinabalu, Sabah (PKK). Kajian ini menggunakan borang soal selidik untuk mendapat data. Respon pelajar akan dianalisis secara deskriptif dan regresi linear menggunakan perisian SPSS v.26. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap literasi komputer pelajar adalah pada tahap sederhana. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara literasi komputer terhadap motivasi belajar. Kajian ini menjelaskan bahawa institusi pengajian tinggi perlu menyediakan kemahiran literasi yang lebih tinggi kepada pelajar mereka.

Kata kunci: Literasi komputer, motivasi belajar, Politeknik

**PENILAIAN PRODUK "PROGRAM KO-KURIKULUM BERKREDIT" MENGGUNAKAN
MODEL PENILAIAN KONTEKS, INPUT, PROSES DAN PRODUK**

**Crispina Gregory K. Han^{1*}, Mohammad Azri Amatan², Colonius Atang³ &
Jurry Foo⁴**

Universiti Malaysia Sabah

crispina@ums.edu.my, mohammad_azri_dp20@iluv.ums.edu.my, colonius@ums.edu.my,
jurryfm@ums.edu.my

Abstrak

Dasar dan falsafah Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) adalah melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, membangunkan ketahanan fizikal, mental dan rohani pelajar, menjana pemikiran kreatif, inovatif, produktif dan proaktif serta menanamkan semangat keyakinan dan cecal menghadapi cabaran. Penilaian Produk 'Program Ko-kurikulum Berkredit' di Universiti Malaysia Sabah bertujuan untuk penambahbaikan dan memberi informasi yang tepat untuk pembuat dasar membuat keputusan. Pendekatan Penilaian Produk adalah berdasarkan Model Konteks, Input, Proses dan Produk yang berfokuskan kepada penilaian produk sahaja. Kajian kualitatif menggunakan semakan dokumen dan temubual berstruktur ke atas sembilan informan kajian iaitu pelajar-pelajar yang mengambil kursus ko-kurikulum berkredit. Dapatan kajian menunjukkan hasil pembelajaran kursus-kursus ko-kurikulum berkredit tercapai dengan sebahagian besar pelajar mendapat gred cemerlang berdasarkan semakan dokumen. Kemahiran insaniah yang diperoleh adalah kemahiran kepimpinan dan kemahiran berkomunikasi. Impak program ko-kurikulum kepada informan dapat dilihat dari aspek produk yang dijangkakan dan juga bukan dijangkakan seperti berani untuk berkomunikasi, proses pembelajaran bertambah baik, pengurusan masa bertambah baik, belajar mengurus projek, memperoleh pengetahuan baru, berani untuk memimpin, bertanggungjawab dan bertoleransi. Secara ringkasnya, penawaran program kursus-kursus ko-kurikulum berkredit Universiti Malaysia Sabah wajar untuk dikekalkan dan diteruskan.

Kata kunci: Penilaian Produk, Model KIPP, Ko-kurikulum

TEACHERS' BELIEFS OF CORONAVIRUS ON ONLINE LEARNING

Mohd. Zaki Ishak¹, Crispina Gregory K. Han^{2*}, Wirawati Ngui³, Tan Choon Keong⁴,

Haridah Utu Satu⁵

Universiti Malaysia Sabah

movolk@ums.edu.my, crispina@ums.edu.my, wirawati.ngui@ums.edu.my,
cktanums@gmail.com

Abstract

The learning and simplification in the 21st century particularly due to covid-19 is a real challenge for each individual teacher. Virtual classroom, multimedia, mobile learning, electronic learning, and cloud technologies as the components of digital learning play a vital role in this century but a sudden shift to totally online learning, instead of real classroom, has triggered teachers to change in their learning and simplification. Hence, this study is carried out to explore teachers' beliefs of how corona virus impact on online learning. This study applied the qualitative study with 58 informants using the purposive sampling method. Motivation, engagement, social relationships, entertainment, creativity, and virtual experiments are the themes identified from this study. The impact of the coronavirus on online learning has been profound, affecting various aspects of education.

Keywords : *Product Evaluation, CIPP Model, Co-curriculum*

PEMBELAJARAN MELALUI TELEFON PINTAR DAN KESANNYA KEPADA PERMAINAN GAME ONLINE

Noorhasimah Binti Kassim

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kota Kinabalu (PKK), Malaysia

rhassika@gmail.com

Dorah Binti Mohamed Darul

Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kota Kinabalu (PKK), Malaysia

dorahpkk@gmail.com

Abstrak

Penggunaan telefon pintar menjadi alat pembelajaran yang menarik digunakan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran dalam pembelajaran dalam talian. Penggunaannya memastikan penyampaian kursus yang fleksibel, membolehkan pelajar mengakses platform pembelajaran dalam talian, mengakses sumber kursus dan berinteraksi secara digital. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana telefon pintar telah dimanfaatkan oleh pelajar sepanjang pembelajaran dalam talian di Politeknik Kota Kinabalu. Kajian melibatkan seramai 130 responden. Reka bentuk kajian tinjauan dan soal selidik telah digunakan untuk kajian ini. Objektif utama kajian adalah untuk menilai peranan telefon pintar sepanjang pembelajaran dalam talian; dan untuk menentukan pengaruh telefon pintar terhadap ketagihan bermain permainan online dalam kalangan Pelajar Politeknik Kota Kinabalu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara puratanya penggunaan telefon pintar untuk pembelajaran dalam talian adalah pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa telefon pintar telah memudahkan aktiviti pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun, penemuan mendapati telefon pintar tidak memberi kesan terhadap ketagihan pelajar terhadap permainan online.

Kata Kunci: Telefon Pintar, Permainan Online, Pelajar Politeknik

Blended Learning for Generation Alpha during the COVID-19 Pandemic

**Wirawati Ngui¹, Mohd. Zaki Ishak^{2*}, Crispina Gregory K. Han³, Tan Choon Keong⁴,
Haridah Utu Satu⁵**

wirawati.ngui@ums.edu.my, movolk@ums.edu.my ,
crispina@ums.edu.my cktanums@gmail.com, haridahridah@gmail.com

Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah, 88400, Kota Kinabalu, Sabah,
Malaysia

Corresponding Author : Mohd. Zaki Ishak

movolk@ums.edu.my

Abstract

The COVID-19 pandemic accelerated the integration of online learning in the secondary education context in an unprecedented manner. Teachers who were accustomed to conducting lessons fully in the classroom had to search for various technology-based alternatives to replace the conventional form of teaching and learning. The purpose of this study was to explore the blending of online and physical learning, also known as “blended learning”, across government secondary schools throughout the COVID-19 pandemic. This is a qualitative study that involved 58 secondary school teachers from 3 districts in Sabah, Malaysia. Focus group interviews were employed to gather data about the use of blended learning among teachers in the districts of Tawau, Kota Kinabalu and Keningau. The data were analysed using thematic analysis. The findings showed that the participants used a variety of online learning applications to deliver content, to provide social and emotional support to the learners and learners’ parents, and to evaluate learner performance. The findings also revealed that in some cases, the teachers had to create physical learning materials for the students. This study revealed the various ways teachers blended online and face-to-face approaches to cater to their learners. The outcomes are valuable for pre-service and in-service teachers who are keen to employ blended learning in the 21st century classroom.

Keywords: blended learning, online learning, home-based teaching and learning

INVESTIGATING THE IMPACTS OF SPEAKING PERFORMANCE USING DIGITAL MULTIMODAL COMPOSING TASK-BASED LANGUAGE TEACHING TO LOW-PROFICIENCY SECONDARY SCHOOL STUDENTS IN SABAH

Sharifah Yong Nadia Omar Salleh

Universiti Malaysia Sabah sharifahyongnadia@gmail.com

Abstract

Issues and challenges surrounding the area of speaking skills is often regarded to be quite challenging. However, the advances of technology have provided more opportunities for ESL learners to explore their potential as it offers multimodal spaces to boost learning. Technology is capable to cater various learning styles. One of the technological advances to enhance learning ability is through digital multimodal composing task-based language teaching. It incorporates images, sound, animation, and texts into the classroom tasks, thus, promotes creativity among learners. Therefore, this study aims to investigate the impact of digital multimodal composing task-based language teaching in improving speaking performance among the low-proficient students. One of the secondary schools in Tuaran will be selected as research participants. An explanatory sequential research design will be applied for this study. For quantitative instruments, pretest, posttest, and questionnaires will be used in the beginning of the study. Then, interview acts as the qualitative research instrument used at the final stage of the study. The treatments consist of one individual task and two group tasks; (i) video with voice only, (ii) vlog and (iii) video skit. The findings of this paper would benefit the English teachers in the area of technology and multimodal teaching approach and provide ways to improve necessary aspects in technological based classroom for more impactful learning.

Keywords: *Multimodal, Digital, Learning*

Analisis Fuzzy Delphi Terhadap Pembangunan Konsep MI dalam Pengkategorian Golongan Kata Bahasa Melayu

Pavitira Nagaraju

pavitanagaraju@gmail.com

Abstrak

Konsep MI yang meliputi maksud dan imbuhan telah dibangunkan bagi mengatasi masalah pengkategorian golongan kata yang menjadi semakin serius terutamanya dalam kalangan murid yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Oleh sebab itu, kajian ini telah dilaksanakan untuk mendapatkan kesepakatan pakar terhadap pengaplikasian konsep MI semasa mengkategorikan golongan kata dalam kalangan murid sekolah. Kaedah Fuzzy Delphi dengan menggunakan borang soal selidik skala likert 7 telah digunakan untuk merekod maklum balas daripada 20 orang pakar dalam bidang bahasa Melayu. Dapatan kajian telah dianalisis berdasarkan triangular fuzzy number dan kedudukan (ranking) bagi setiap elemen ditentukan dengan menggunakan proses defuzzication. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa kesemua item dan konstruk yang ditetapkan telah memperolehi kesepakatan pakar dengan nilai persetujuan yang baik. Selain itu, semua elemen yang telah diuji turut mencapai syarat-syarat yang ditetapkan, iaitu nilai threshold (d) kurang daripada 0.2 dan peratusan kesepakatan pakar pula melebihi 75%. Cadangan pemurniaan telah diambil kira dan melakukan penambahbaikan terhadap konsep MI berdasarkan komen yang diterima agar tidak mengganggu sistem pembelajaran di sekolah. Kesepakatan pakar yang diterima menunjukkan bahawa konsep MI semasa pengkategorian golongan kata membantu murid untuk mengenal pasti golongan kata sesuatu perkataan dengan mudah selaras dengan pembelajaran abad ke-21 (PAK21).

Kata Kunci: pengkategorian golongan kata, pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, Teknik Fuzzy Delphi, PAK21

SATU TINJAUAN SENI PERSEMBAHAN DARI PANDEMIK KEPASCA COVID-19: MAYA ATAU KONVENSIONAL?

Elvin Dainal

Universiti Malaysia Sabah

elvindainal@gmail.com

Abstrak

Pada akhir tahun 2019, dunia telah dikejutkan dengan kemunculan satu penyakit virus berbahaya, dinamakan Coronavirus 2019 (COVID-19). Pada 11 Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan bahawa penyakit ini sebagai pandemik. Mengetahui bahawa COVID-19 telah tersebar ke negara Malaysia, arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan secara berperingkat bermula 18 Mac 2020, diikuti dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), dan Perintah Kawalan Diperketatkan (PKPD) di seluruh negara. Berikutan dengan arahan kawalan pergerakan ini, segala aktiviti sosial dan budaya termasuk industri kreatif secara konvensional dibatalkan serta-merta. Sepanjang tempoh pandemik ini, penggiat muzik di Sabah telah membuat inisiatif untuk berkarya secara maya atas talian. Persoalannya, apakah jenis persembahan muzik yang sesuai diinisiatifkan secara maya? Setelah dua tahun, pada 1 April 2022, kerajaan telah mengambil langkah untuk masuk ke Fasa Peralihan Endemik COVID-19. Ini bermaksud industri kreatif dibenarkan berkarya secara konvensional semula. Melihat kepada perubahan mekanisma ini, adakah persembahan muzik di Sabah masih relevan untuk dijalankan secara maya atau konvensional? Hasil pemerhatian menunjukkan bahawa ada aktiviti persembahan muzik maya yang masih relevan di pasca COVID-19, namun yang lainnya sudah kembali kepada konvensional.

Kata kunci: COVID-19, platform atas talian, penggiat seni muzik Sabah, seni persembahan maya, seni persembahan konvensional

SEMIOTIK DALAM LIRIK LAGU FILEM ANIMASI TERPILIH MALAYSIA

Mohd Suhaimi Bin Md Yasin & Dr. Mohd Nizam bin Attan

Universiti Tu Hussein Onn Malaysia, Johor

mdsuhaimi@uthm.edu.my

Abstrak

Lirik lagu merupakan satu medium penyampaian rasa dan aspirasi jiwa seseorang pengkarya seni. Umumnya lirik ialah perkataan-perkataan dalam lagu. Lirik boleh ditulis semasa muziknya digubah, atau ditulis selepasnya. Bagaimanapun, muzik adakalanya dipadankan atau ditulis selepas lagu atau puisinya telah ditulis. Seorang yang menulis lirik dipanggil penulis lirik. Maksud yang diberikan dalam rangkap lirik boleh bersifat tersurat atau tersirat. Sesetengah lirik adalah terlalu abstrak sehingga tidak dapat difahami. Dalam kes-kes tersebut, terdapat kecenderungan untuk menitikberatkan bentuk, penyebutan, meter, dan simetri pernyataan. Semiotik dalam lirik lagu filem animasi terpilih Malaysia, merupakan satu kajian baru yang perlu dilakukan bagi mempelbagaikan bahan penyelidikan seni lirik lagu tempatan. Pendekatan analisis semiotik Roland Barthes digunakan dalam penghasilan kajian ini. Ianya melihat kepada Makna yang diungkapkan ialah makna denotasi, konotasi, dan mitos. Dalam kajian ini, teori semiotik Roland Barthes digunakan untuk menjelaskan denotasi, konotasi, dan mitos makna "kesendirian" yang terkandung dalam lirik lagu. Penelitian kajian yang digunakan ialah secara kualitatif tafsiran atau cara berfikir induktif iaitu cara berfikir daripadakhusus kepada umum. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah kajian dokumen iaitu menelusuri dan memperolehi dari pelbagai sumber di mana data tersebut diperlukan. Semiotikdidefinisikan sebagai suatu ilmu atau kaedah analisis untuk mengkaji tanda, dalam istilah Barthes, semiologi, pada dasarnya hendak mempelajari bagaimana kemanusiaan (humanity) memaknai hal-hal (things). Memaknai (to signify) dalam hal ini tidak dapat dicampuradukkan dengan mengkomunikasikan (to communicate) (Barthes, 2007:5). Kaedah kualitatif adalah metodologi yang digunakan dalam penelitian kajian ini.

Kata kunci : *Lirik lagu, semiotik, denotasi, konotasi & mitos*

GERAK TARIAN MONGIGOL DALAM UPACARA RITUAL *PATOD* DI KAMPUNG BUNDU TUHAN, RANAU.

Sheery Oweena Apson, Sri Ningsih Sukirman

Universiti Sabah Malaysia

Sheerysept@gmail.com, ningsih@ums.edu.my

Abstrak

Tarian Mongigol merupakan sebuah tarian tradisional etnik Dusun Bundu yang ditarikan ketika upacara ritual *Patod* di Kampung Bundu Tuhan, Ranau. Fokus kajian ini tertumpu pada gerak tarian Mongigol yang penting dalam upacara ritual *Patod*. Pengkaji mendapati bahawa tarian Mongigol etnik Dusun di Ranau adalah tari yang berasal daripada ritual memuja semangat padi (Ismail Abbas & Shaong, 1984). Hasil pemerhatian dan analisis menunjukkan terdapat beberapa jenis gerak dalam tarian Mongigol bagi etnik Dusun Bundu di Daerah Ranau. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengkaji jenis gerak tarian serta menganalisis pola pergerakan tarian Mongigol dalam upacara ritual *Patod*. Penelitian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif. Pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian secara langsung (*direct observation*), temubual mendalam (*in-dept interview*) dan temubual kumpulan fokus (*focus group discussion/ FGD*) dalam kalangan informan berumur sekitar 50 tahun ke atas yang menetap di Kampung Bundu Tuhan. Kajian ini penting sebagai bahan bukti bertulis mengenai tarian Mongigol dalam upacara ritual *Patod*. Justeru, kajian ini diharapkan mampu menjadi rujukan kepada penggiat seni tari serta masyarakat etnik Dusun Bundu bagi mengangkat semula tarian Mongigol sebagai identiti budaya mereka.

Kata Kunci : Gerak tari, Ritual, Bobolian, Tarian Moninggol, *Patod*

THE CLOTHING COMFORT PERFORMANCES' EVALUATION ON DIFFERENT SINGLE JERSEY FABRICS FOR FEMALE UNDERGARMENT DESIGN

Juliana Osman^a, Rosita Mohd Tajuddin^b, NurÁin Yusoff^c, Mohd Rozi Ahmad^d, Siti Hana
Nasir^e, Shaliza Mohd Shariff^f

^{a,b,f} Universiti College of Creative Arts (Art & Design), Universiti Teknologi MARA (UiTM),
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

^{c,d} Faculty of Applied Science, Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia.

^e Faculty of Engineering Technology, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 84600
Pagoh, Johor, Malaysia

Corresponding author: shaliza478@uitm.edu.my

Abstract

An undergarment is a basic piece of clothing often worn daily, functioning as a barrier between the outer clothing and the intimate part of the body. In developing an undergarment design for caesarean patients, it is especially important that the material provides a feeling of comfort and cleanliness to the wearer, especially around the incision area. Consumers are selective with the material of the undergarment especially when it comes to the perception of discomfort which derives from moisture and heat. This paper aims to evaluate the comfort performances of single jersey fabrics commonly used for female undergarment design: Cotton Spandex, Viscose Lycra, Cotton Bamboo, and Knitted Bamboo. These fabrics are scientifically tested in the textile laboratory using a Moisture Management Tester (M290 MMT), Air Permeability Meter, Water Vapour Permeability Tester (M261), and Sweating Guarded Hotplate (Dry Heat Transfer) to evaluate the clothing comfort performances of moisture management, air permeability, water vapour and thermal properties. Cotton Bamboo and Knitted Bamboo show opposite strengths in air permeability and thermal categories with Cotton Bamboo rated (44.9%); best in air permeability ability and (18.92%); lowest temperature in the thermal property while Knitted Bamboo rated (7.29%) and (29.79%) in respective categories. There are no extreme differences in terms of water vapour (mean = 25.2%) and moisture

management (mean = 25.4%) properties on all four tested materials. From the experiments, Cotton Bamboo is the highest-performing material in terms of single jersey fabric's comfort properties for female undergarment design.

Keywords : *Comfort; Clothing Comfort Performance; Textile Evaluation; Single Jersey Fabrics; Female Undergarment*



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH